

KOLEKSI CERPEN
PILIHAN
PELITA BRUNEI
2015

Terbitan

Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama

2017

Hak Cipta

Jabatan Penerangan

Penyelaras

Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Kompilasi

Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Susunan/Reka Letak/Penyemak

Norhafilah binti Rosli

Ilustrasi

Gambar hiasan digunakan di Pelita Brunei

Reka Bentuk Kulit Luar

Hairun Nadhir bin Ismail

Hak cipta terpelihara. 'Koleksi Cerpen Pilihan' merupakan koleksi cerpen yang diterbitkan di dalam Pelita Brunei edisi Januari - Disember 2015. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotografi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

KATA ALUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, Koleksi Cerpen Pilihan Pelita Brunei dapat diusahakan penerbitannya. Cerpen-cerpen yang terkandung dalam koleksi ini adalah hasil karya yang telah dikeluarkan dalam akhbar Pelita Brunei di sepanjang 2015.

Penerbitan ini merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan untuk menghargai sumbangan penulis kepada perkembangan kesusasteraan tanah air khususnya mereka yang menyumbangkan karya mereka ke akhbar berkenaan.

Pihak penerbit percaya penerbitan Koleksi Cerpen Pilihan ini dapat meniup semangat/menyuntik para penulis tanah air ke arah menghasilkan karya yang bermutu dan secara langsung akan menjadi sumber penyelidikan bagi penyelidik-penyelidik sastera di masa akan datang.

Pihak penerbit, bagaimanapun, berhak untuk tidak memuatkan dalam koleksi ini mana-mana cerpen yang dirasakan tidak sesuai. Sekian.

PENERBIT

2015

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Perjalanan

6

Oleh : Dhia Faezah

Misteri Orang Tua

13

Oleh : Mardiah Haji Abdul Ghapar

Menanti Pagi Syawal

19

Oleh : Adi Jiwa

Pergi Tidak Kembali

24

Oleh : Adi Jiwa

Esok Belum Nampak Sinarnya

31

Oleh : Utusukushii_tsuki

KANDUNGAN

MUKA SURAT

3ie

56

Oleh : Maya Brunei

Buah Hati Mama, Azwi Mutalib

61

Oleh : Riani Rahman

Perjalanan



*Bagaikan pelangi selepas hujan reda
Indah berseri mewarnai alam...
Beburung berterbangan, riang berkicauan
Tiada lagi mendung semalam...*

Oleh :
Dhia Faaezah

SATU seni kata yang indah. Lirik salah satu lagu kumpulan nasyid Inteam bermain di kotak fikiran Manisah.

Pelangi memang indah dengan 7 warna berbeza. Namun pelangi cuma menghiasi langit setelah hadirnya hujan. Mendung hujan selalu dikaitkan menjadi analogi bagi ujian dalam kehidupan. Hmm...

“Dah sampai ke mana? Mekah?” usik Mukhlis dengan senyuman mengusik adiknya yang nampak termenung jauh. Dia duduk tidak jauh dari adiknya.

“Baru sampai di halaman rumah ni ha...” Manisah membalas dengan muka selamba usikan abangnya.

“Tengah fikirkan apa? Nampak jauh sangat...” soal Mukhlis prihatin. Secara tidak langsung membuka ruang si adik meluahkan beban fikiran.

“Tak ada apa...Cuma tengah fikir tentang perjalanan hidup...” luah Manisah perlahan.

“Setiap dari kita ni dah ditentukan jalan hidup masing-masing sejak kita dalam kandungan perut ibu lagi. *The distance had been certain. Trust Allah plan. What we need to do is keep walking and moving. We plan but Allah's planner is better for each of us.* Sentiasa ada kebaikan di setiap perkara yang Allah tentukan.”

“Contohnya?” soal Manisah. Memang bila berbual dengan Mukhlis selalu ada sesuatu isi yang menarik.

“Contohnya, beg kita hilang waktu tengah tunggu nak naik bas. Kena beli tiket yang baru. Subhanallah rupanya Allah nak selamatkan kita. Bas awal tu terlibat dalam kemalangan waktu dalam perjalanan. Dan kita akan lebih menghargai dan menjaga beg baru.”

“Entahlah bang...” tanpa sedar Manisah mengeluh. Dia menunduk dan memejam mata. Ada butiran jernih mula mengalir dari kelopak matanya.

“*No pain no gain.* Kalau nak dapatkan sesuatu yang besar memang tidak mudah. Perlukan *struggle*, perjuangan. Lagi-lagi kalau sesuatu tu boleh mendekatkan diri kita pada Allah dan perkara kebaikan. Syaitan akan sentiasa nak gagalkan kita dari terus melangkah dan gegarkan kebergantungan kuat kita pada Allah.” Sambung Mukhlis. Sebagai seorang yang lebih tua dari Manisah, dia juga pernah melalui fasa begini.

Mukhlis menoleh ke sebelah bila tiada respon dari adiknya. Manisah berpeluk tubuh dengan kepala di lutut menyembunyikan air mata yang mengalir dari pandangan abangnya.

“Fa‘iza ‘Azamta Fatawakkal ‘Alallah. Apabila kamu sudah berazam, maka bertawakkallah pada Allah. Minta kekuatan dan bantuan dari Allah Yang Maha Kuat. Ingat Allah saat suka dan duka. Allah suka kalau kita meminta dan mengadu pada Dia. Genggam erat tangan, bina kekuatan dan semangat dan teruskan melangkah.” Hujung ayatnya Mukhlis melafazkannya dengan bersemangat.

“It might be tough and need to struggle. Believe me. It will be worth for future. Sekejap je lagi tu. Bertahanlah. Usaha sungguh-sungguh, gigih teruskan melangkah. Bak kata Ibnu Qayyum Al-Jauziyyah: ‘Oh those who are patient, bear a little more, a little more remain’. You almost there to the finish line. Cheer up!!!” tutur Mukhlis lagi bersungguh-sungguh.

“Aku tak ingin...Kau menangis bersedih... Hapuslah air mata darimu...” spontan Manisah ketawa bila abangnya tiba-tiba menyanyi dari ketawanya yang sedikit serak, jelas Manisah sedang menangis. Mukhlis turut ketawa bila Manisah ketawa.

“Haha...Nak pinjam bahu ke? Boleh je” Mukhlis menawarkan dalam usikan. Manisah mengangkat muka mencebik.

“Bukan mudah menyusun tangga ke angkasa...Bukan mudah menggapai mimpi jadi realiti. Apapun jua biar terbukti andai langkahmu tidak terhenti...” kali ini Mukhlis mengungkap ayat motivasi melalui lirik lagu.

Kali ini air mata Manisah sudah berhenti mengalir. Dia meletakkan dagu di lutut. Mata memandang ke depan halaman rumah yang dihiasi bunga dan pokok.

“Allah uji sebab Allah sayang. Kadang ujian dengan sesuatu yang kita tak suka tu Allah bagi sebab hasil perbuatan diri kita sendiri. InsyaaAllah juga sebagai penghapus dosa bila kita redha, berlapang dada dan terus melangkah. Orang yang Allah sayang selalu diuji dengan ujian yang hebat. Bahkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pun

menghadapi macam-macam ujian perit sewaktu menyampaikan dakwah Islam dan demi untuk mempertahankan Islam.”

Perbualan mereka terhenti bila abang sulung mereka, Muhsin baru pulang melafazkan salam. Segera mereka menjawab salam yang dihulur.

“Nampak serabut” komen Manisah diakui Mukhlis dalam diam. Dari raut wajah Muhsin nampak serabut. Mereka membiarkan Muhsin masuk ke rumah. Mungkin penat dengan kerja di pejabat.

“Mukhlis lapang tak petang ni? Jom pergi riadah...” usul Muhsin yang muncul berdiri di muka pintu. Baju kemeja sudah dibuka. Masih ada baju lapis merah tanpa lengan dan seluar kerja di tubuh.

“Maafah bang...Mukhlis dah ada janji dengan kawan lepas Asar nanti. Abang bawalah puteri manja ni pergi teman...” usul Mukhlis sambil memandang ke arah Manisah.

“Bagus jugak tu...Lepas Asar nanti Nisah siap kita pergi joging trek stadium...” umum Muhsin sebelum berlalu pergi ke dalam rumah.

Berkerut dahi Manisah tidak puas hati. Tangan bersilang di dada.

“Mana aci. Dengan abang elok Abang Muhsin tu tanya. Dengan orang, dia main tarik je tak tanya nak atau tak...” rungut Manisah. Mukhlis ketawa dengan gelagat adiknya.

“Ada telepatilah tu. Tak tanya tapi dia boleh tau Nisah tak ada rancangan apa-apa. Eloklah tu. Jangan nak menternak lemak dengan banyak makan...” tegur Mukhlis.

Manisah mengakui dalam diam. Apa yang dikata Mukhlis memang suatu hakikat yang betul. Sejak kebelakangan ini dia banyak makan dan kurang beraktiviti.

Seperti yang dirancang, Muhsin dan Manisah melakukan jogging di padang trek stadium. Di musim cuti hujung tahun ini, tidak ramai yang pergi ke situ. Mungkin ramai yang sedang meluangkan masa bercuti ke luar negara.

Usai pusingan ke lima, Manisah berhenti sekejap ke tepi padang dengan nafas tercungap-cungap. Tak mampu rasanya hendak meneruskan larian. Sebotol air 100-plus yang memang dibawa sejak awal diteguk. Cuba untuk mengembalikan sedikit tenaga.

“Berapa pusingan bang?” soal Manisah bila Muhsin menyusul berhenti di tepi trek padang. Sejak awal tadi langkah Muhsin mendahului Manisah.

“Alhamdulillah...Empat belas...”

Hampir terbeliak mata Manisah mendengarnya. Biasanya kalau mereka melakukan riadah bersama, secara purata pusingan larian abang sulungnya itu cuma sepuluh. Semakin menguatkan andaiannya yang Muhsin sedang ada masalah.

“*Well done*” puji Manisah. Pujiannya langsung tidak menerima balasan dari Muhsin.

“Tak semua yang kita nak, kita akan dapat. Hargai dan jangan mudah lepaskan apa yang ada dalam genggam. Macam dalam Surah Al-Baqarah yang lebih kurang maksudnya belum tentu apa yang kamu suka itu baik untuk kamu dan boleh jadi yang kamu benci itu baik untuk kamu, sungguh Allah Maha Mengetahui.” Muhsin spontan berkata sebegitu memecah kesunyian antara mereka. Manisah rasa pelik.

“Hari tu abang ada tengok gambar kartun. Ada tiga buah rumah. Kaya, sederhana dan susah. Ada awan dialog kat rumah tengah tu ungkapan bersyukur. Moralnya, dalam hal ibadah jangan pernah rasa kita lebih baik dan banyak amalan dari orang. Tapi anggap orang tak kira muda atau tua tu lebih banyak ilmu dan lebih dekat dengan Allah daripada diri kita. Dan

jangan iri bila memandang orang yang nampak senang dan bahagia dari kita. Tapi ingat juga ada orang yang lebih susah dan kurang bernasib baik dari diri kita,” sambung Muhsin tanpa mempedulikan raut wajah pelik Manisah. Muhsin sedang melakukan pergerakan regangan badan.

“Terima kasih atas peringatan tu bang...” ucap Manisah. Dalam hati Manisah panjatkan syukur. Mungkin ini ingatan Allah buat dirinya melalui Muhsin.

“Kenapa abang tiba-tiba terfikir pasal ni?” Manisah cuba untuk mengorek isi hati si abang sulung.

“Tak ada apa...” balas Muhsin tanpa memandang si adik. Sebolehnya rahsia hatinya tidak ingin dikongsi. Lagi-lagi dia anak sulung dan lelaki.

“The distance had been certain. Trust Allah plan. What we need to do is keep walking and moving. Sampai kita dipanggil pulang, bila roh berpisah daripada jasad. Lepas tu tak perlu apa-apa. Cuma menanti dihisab dan masuk syurga je insyaaAllah. Really-really soon. Setiap hari kan waktu kita semakin singkat, kita semakin dekat dengan kematian...” luah Muhsin.

Manisah diam. Bermuhasabah dalam diamnya. Tiba-tiba Manisah senyum. Ada sesuatu menerjah fikiran.

“Abang...” panggil Manisah dengan suara meleret. Senyuman menghiasi bibir.

Dengan kening bertaut Muhsin memandang si adik. Faham sangat. Bila suara macam tu mesti ada hajat tersirat.

“Sebelum balik nanti kita singgah beli aiskrim boleh? Nisah terliur nak makan cornetto coklat. Tapi...tapi...Nisah tak bawa wallet...” pinta Manisah senyum-senyum.

“Tengoklah...” ucap Muhsin jual-mahal. Sengaja tidak memberi kata putus.

“Alah... Bolehlah... *Please...*” permintaan berbentuk rayuan yang Manisah ucapkan.

“Iyelah insyaaAllah... Abang nak lari satu pusingan lagi. Tunggu kejam. Nisah tu tundukkan pandangan. Jangan nak cuci mata pandang lelaki,” sempat Muhsin berpesan sebelum berlalu memulakan larian terakhir.

Manisah senyum. ‘Syukur Ya Allah... Atas semua nikmat-nikmat yang Kau anugerahkan kepadaku. Betullah seperti dalam Surah Al-Insyirah. ‘Bersama kesulitan ada kemudahan’.

Manisah bersyukur meskipun perjalanan hidupnya banyak berlaku tidak berjalan lancar seperti yang diharap dan diimpi, tapi sangat banyak nikmat-nikmat lain yang Allah kurniakan pada dirinya seperti hidup di negara aman, ada makanan dan minuman yang cukup, ada tempat tinggal dan punya keluarga yang akrab sesama ahli. Alhamdulillah, Alhamdulillah dan Alhamdulillah.

‘Maka nikmat Allah yang manakah yang kamu dustakan?’ (Surah Ar-Rahman)

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 24 Januari 2015

Misteri Orang Tua

Oleh:
Mardiah Haji Abdul Gapar



HAJAH Mas memberitahu pada kedua anaknya malam itu bahawa mereka akan pergi ke rumah Hajah Fasah iaitu adik sepupunya kerana Hajah Fasah mengadakan majlis bertahlil untuk kedua orang tuanya dan keluarganya yang telah pergi lebih dulu dari kita semua. Kedua anak lelakinya tidak dapat pergi kerana mereka terpaksa bekerja shif malam. Jadi mereka hanya berkirim salam memohon maaf kerana tidak dapat hadir malam itu. Hajah Mas meminjam kereta yang dipunyai anaknya yang pertama bila majlis selesai nanti kereta itu akan dikembalikan tempat kerja anaknya.

Malam itu Hajah Mas pergi bersama dengan kakaknya Julia dan dua anak saudaranya. Aisah anak dari adiknya yang bungsu, Firda anak kakaknya Julia dan Ishak anak lelakinya yang bungsu. Ketiga mereka ini duduk di kerusi bahagian belakang, yang duduk di hadapan adalah kakaknya Julia.

Walaupun acara malam itu selesai hampir jam 10 malam tapi sudah menjadi kebiasaan kepada keluarga mereka akan duduk lagi dan bercerita tentang masalah keluarga masing-masing. Tambahan lagi hari esoknya adalah hari Jumaat. Tidak apa kalau tidur lewat malam. Hajah Mas dan kakaknya Julia meminta diri untuk pulang, Hajah Mas meminta pada kakaknya Julia dan yang

lain supaya menunggu saja di halaman rumah Hajah Fasah sementara dia akan membawa kereta ke sana. Kerana malam itu hujan turun renyai-renyai. Hajah Mas berjalan menuju ke arah letak keretanya yang berada di selekoh jalan. Walaupun ada lampu yang menerangi kawasan itu tapi oleh kerana terlalu sunyi terasa juga seram di hati Hajah Mas.

Semasa Hajah Mas hendak masuk ke dalam kereta seperti ada angin yang deras berlalu di sebelah kanan badannya. Hajah Mas memandang di kelilingnya tapi semua pokok yang ada di sana tenang saja. Hajah Mas tak kisah lalu mengemudi keretanya menuju ke rumah Hajah Fasah. Sampai di halaman rumah Hajah Fasah seperti biasa yang tadinya duduk di belakang masuk mencari tempat duduk mereka. Aisah dan Ishak duduk berdekatan tapi bila saja Firda akan melabuh punggungnya seperti tidak ada ruang untuknya. Lalu dia bertanya pada Hajah Mas, “Uda..! kenapa tia inda ku dapat duduk ani, macam sampit saja. Nah, inda muat”, Firda memberitahu kepada Hajah Mas dan ibunya. Hajah Mas dan kakaknya Julia menoleh ke belakang mereka berdua, ingatkan Firda hanya bergurau. Lalu ibunya berkata sambil ketawa, “Iatah lampau banyak makan, baik jua sampit kalau barat, inda kereta dapat berjalan.”

Hajah Mas hanya tersenyum mendengar gurauan kakaknya. Tapi memang benar Firda tidak merasa selesa di tempat duduknya seperti ada orang yang duduk disebelahnya.

Perjalanan malam itu sangat santai. Ketiga remaja yang duduk di belakang tidak berkata, apalagi untuk bergurau seperti biasa yang selalu mereka lakukan. Terfikir juga di hati Hajah Mas mungkin anaknya dan dua anak saudaranya sedang mengantuk. Kerana terlalu kenyang. Setelah berjalan terlalu lama Hajah Mas merasa hairan seperti jalan yang ia lalui bukan jalan yang menuju ke kampungnya. Dia sendiri tidak terasa kereta yang dipandunya menuju ke mana. Hajah Mas bertanya pada anaknya Ishak, “Ishak..! di mana jalan kitani tuju ani? Bukan jua arah kitani ni, berapa sudah lampung hijau kitani lintasi, baru sebuah anikah?” tanya Hajah Mas.

Tapi yang ditanyanya tidak menjawab. Ishak hanya memandang pada Aisah dan Firda seperti dia mahu mereka yang memberi jawapan pada ibunya.

“Aisah! Di mana jalan kitani tuju ani? Berapa jam sudah kitani di jalan ani? Uda rasa macam jalan Jerudong, kenapa inda kamu memberitahu yang Uda ani sudah salah jalan? Jauh sudah rupanya kitani ani.” Hajah Mas bertanya pada anak saudaranya Aisah. “Ya tah, Uda. Aku pun hairan kenapa Uda inda masuk

ke jalan Terunjing tadi, tapi bila ku kan bertanya mulut ku inda dapat ku buka, macam ada tangan menutup.”

Aisah menerangkan pada Hajah Mas. Julia tidak kisah ke mana adiknya membawa mereka malam itu. Dia hanya tenang sambil berkata, “Inda apa tu, sekali-kali makan angin malam nyaman jua rasanya, sama jua esok hari Jumaat.” Sepertinya dia senang dan merasa damai memerhati alam yang dicipta Tuhan di waktu malam. Sambil berselawat sebagai nyanyiannya itu sudah menjadi kebiasaan dirinya. Baik di rumah atau di mana saja kalau dirasanya ada masa yang senang dia tetap akan berselawat.

“Jah.. kalau kau teliat kadai damit karang beranti kau dulu ah.. aku kan turunembali telur sama mentega kan pakai ku membuat kuih esok pagi.” Pinta Julia pada adiknya Hajah Mas. “Ya.. Tuhan..! Uda! Inda tah kali mama ani tau kan malam, kan bejaur kadai tia lagi, ma.. kadai mana kan yang buka, tengah malam sudah ni..” anaknya Firda mengeluh kegelisahan.

Seperti dia tidak merasa nyaman malam itu kerana mereka telah termasuk ke jalan yang salah. Setelah berjumpa tanda untuk berpusing dengan tidak membuang masa Hajah Mas pun membelokkan kereta yang dipandunya sambil bersyukur kepada Tuhan dan berselawat kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam kerana mereka telah terjumpa jalan untuk pulang.

Bila sampai di lampu isyarat antara Berakas dan Jalan Terunjing masih ada kedai pasar raya yang buka. Hajah Mas memasuki kawasan kedai itu dan berhenti tidak jauh dari jalan raya. Kebetulan tidak ada kereta yang keluar kerana pasar raya itu sudah hampir akan ditutup oleh tuan yang punya kedai.

Kakaknya turun dari kereta diikuti oleh anaknya Firda. Hajah Mas hanya duduk di dalam kereta. Hajah Mas terpandang seorang tua yang lalu di hadapan keretanya. Hajah Mas tidak tahu dari manakah orang tua itu datang. Kerana Hajah Mas tidak nampak ada kereta yang memasuki kawasan kedai itu. Hajah Mas merenung orang tua itu, baju yang dipakai cara melayu warna putih berkain pelikat serbannya jua berwarna putih. Ada tasbih tergantung ditangannya. Hajah Mas berfikir mungkin orang tua itu baru pulang dari masjid yang tidak jauh dari kedai itu. Orang tua itu berhenti di hadapan kereta Hajah Mas lalu memandang padanya. Tidak tersenyum. Selepas itu dia pun berjalan memasuki kedai dan menghilang dari pandangan Hajah Mas.

Tidak lama menunggu, kakaknya pun keluar dari dalam kedai dengan membawa satu tray telur dan dua kantung plastik yang berisi barang-barang yang dibelinya. Hajah Mas tidak tahu apa saja yang dibeli oleh kakaknya. Terlintas juga dihatinya ingin bertanya adakah kakaknya terjumpa orang tua yang dilihatnya. Tapi mulutnya tidak dapat dibuka. Dia berfikir sejenak kenapa pula orang tua itu yang ingin ditanyakannya sedangkan orang tua itu bukan ada hubungan apa-apa dengan dirinya. Sampai saja di rumah pada jam sudah pun menunjukkan 12 tengah malam. Setelah semuanya turun Hajah Mas mencari pula anak saudaranya yang lelaki, iaitu Masadi untuk menemaninya menghantar kereta anaknya ke tempat kerja. Kerana tidak lama lagi anaknya akan pulang.

“Uda! Kenapa kita mengunjar kediaku?” Masadi bertanya pada ibu saudaranya. “Bah, kau ikutkan Uda dengan kereta mu sampai arah kerajaan Takim mu, karang Uda balik ikut kediakau saja.”

Hajah Mas menghidupkan enjin kereta lalu berjalan menuju ke jalan besar. Hajah Mas merasa seperti ada yang sedang memerhatikan dirinya dan dia jua merasa hairan kenapa tidak ada kereta yang lalu lalang ketika itu padahal malam baru saja hampir jam satu. Tidak seperti malam-malam yang lain kereta tidak pernah putus-putus sehingga jam tiga pagi pun kereta masih lagi ada di jalanan. Tapi malam itu terasa benar keheningannya seperti ada penghuni lain yang memiliki jalan itu. Hajah Mas memandang cermin yang ada ditepi jendela keretanya, dia tidak nampak cahaya lampu kereta anak saudaranya Masadi. “Ke mana saja si Masadi ani, dari tadi balum jua kelihatan,” Hajah Mas berkata sendiri. Setelah dekat ditempat anaknya bekerja. Hajah Mas mencari tempat yang selalu digunakan oleh anaknya. Ya, tempat itu memang ada lalu Hajah Mas pun memasukkan keretanya ke tempat itu. Setelah semuanya selesai Hajah Mas memandang cermin pandang belakang. Alangkah terkejutnya Hajah Mas, orang tua yang dilihatnya di pasar raya tadi ada duduk di dalam kereta anaknya. Orang tua itu juga memandang padanya. Hajah Mas tidak mahu lagi memandang orang tua itu dan dia juga tidak faham bilakah masanya orang tua itu berada di dalam kereta yang dipandunya. Tanpa membuang masa Hajah Mas turun dari kereta lalu berjalan menuju ke jalan besar yang tidak jauh dari tempat ia meletakkan kereta anaknya. Dari jauh Masadi terpancang Hajah Mas berjalan tergesa-gesa seperti ada yang sedang mengejanya. Masadi mendekati keretanya di tepi jalan lalu bertanya.

“Uda, mana kereta? Kenapa Uda bejalan sampai ke mari.. jauh jua ni, ada apa-apakah da?”

Masadi memandang keliling tempat itu sepi, dia tidak nampak apapun yang menakutkan. Masadi dapat merasa ada yang tidak kena berlaku pada ibu saudaranya itu. Dengan wajahnya yang pucat seperti orang yang di dalam ketakutan, Hajah Mas mengarahkan supaya Masadi cepat-cepat meninggalkan tempat itu. Di dalam kereta pula Hajah Mas tidak henti-henti menyebut perkataan 'Subhanallah'. Hanya itu yang dapat dikatakannya. Sampai saja di rumah, Masadi mengikut Hajah Mas dari belakang. Kerana dia benar-benar ingin tahu apa yang terjadi pada Hajah Mas. "Sudahtah, jangan ditanya dulu.. agatah kau tidur, esuk kau kan ke masjid sembahyang Subuh. Berapa jam saja lagi pagi tia hari."

Sambil berkata, Hajah Mas meninggalkan Masadi sendiri di ruang bilik tamu. Di dalam bilik Hajah Mas berkata sendiri, siapakah orang tua itu, kenapa dia ada di dalam keretanya, adakah orang tua itu orang ghaib? Ataupun ahli silap mata atau roh orang yang sudah meninggal yang mencari jalan untuk pulang? Dalam ia berfikir tentang orang tua itu. Tiba-tiba telefon bimbitnya berbunyi. Hajah Mas terkejut yang amat sangat. "Ma.. Assalamualaikum, di mana mama menaruh kereta..? Innda ada ditempatnya, puas sudah ku mengunjar.. apa innda mama mengantat kah?" tanya anaknya. Hajah Mas seperti tidak percaya dengan pertanyaan anaknya.

"Astahga..! Mengapa tah pulang innda mama mengantat..? Adatu tempat selalu kau menaruh, di sana tah mama mengampaiakan."

Telefon terputus. Hajah Mas tidak dapat mendengar suara anaknya. Terfikir juga dihatinya. Mungkin orang tua tadi yang mencuri kereta anaknya. Hajah Mas merasa menyesal kenapa dia tidak bertanya kepada orang tua itu siapa dirinya dan apa sebabnya dia berada di dalam kereta itu. Hajah Mas benar-benar menyesal dengan kebodohan dirinya.

Tidak lama selepas itu, telefon bimbitnya berbunyi lagi. Hajah Mas menjawab dengan suara yang penuh bimbang.

"Ma.. ada sudah, jangantah mama ingau.. kana tapuk. Tiga orang tubuh kami mengunjar, ada yang menabur sira. Tau-tau ada di sana jua ma! Ada orang membawa kediku beibun, baik jua innda sampai pagi. Bah ma! Baiktah mulih ku dulu, Assalamualaikum." Hajah Mas menjawab salam dari anaknya. Terasa lapang dada Hajah Mas mendengar khabar dari anaknya yang keretanya telah

pun dijumpai. Kerana seingat Hajah Mas dia tidak salah tempat meletakkan kereta itu walaupun dia dalam ketakutan kerana terkejut dengan kehadiran orang tua yang tidak ia ketahui dari mana datangnya dan apa tujuannya menumpang keretanya malam itu.

Semua persoalan yang ada di kepala Hajah Mas malam itu tidak siapa pun dapat memberi jawapannya. Kalau orang tua itu adalah roh orang yang sudah meninggal. Siapakah yang dicarinya. Dari pandangan matanya orang tua itu seperti seorang alim. Wajahnya nampak bersih. Memang malam itu adalah malam yang sangat ganjil. Ia akan menjadi kenangan seumur hidup buat diri Hajah Mas dan juga satu persoalan yang tidak terjawab siapakah orang tua itu? Adakah dia akan datang lagi berjumpa dengan Hajah Mas?

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 18 April 2015

Menanti Pagi Syawal

Oleh:
ADI JIWA

Auni terus melangkah memijak anak tangga selepas mandi pagi. Sampai di atas Auni terkejut dengan sapaan papa. “Awal kau bangun!” “Oh ! mestilah. Nak rasa nyamannya pagi Syawal. “Semalam dah puas kena embun malam Syawal.” papa gelak.

“Eh! papa ni bila nak bangun? Nenek awal-awal lagi dah bangun,” tegurku lagi. “Ni, dah buka mata. Kejap lagi papa bangunlah. Kejap lagi papa bangunlah. Eh, bilik air.....siapa mandi?” “Biasalah kumpulan Auni dulu!” “Ooh, tak boleh jadi ni, kena mencelah.” “Eh, pandailah. Tunggu giliran!” ujarku memberi amaran. “Kenalah hormat orang yang lebih tua dulu. Sudah pergi sembahyang.”



Auni akur. Papa sememangnya suka bergurau, tetapi kalau moodnya tidak begitu baik takut juga aku jadinya. Kalau dia serius aku pun turut serius. Masa itu tiada jenaka lagi. Otak pula ligat berputar mencari alasan. Auni mencapai baju kurung sebaik sahaja selesai solat. Tidak sabar mahu memakainya. Tetapi nantilah selepas menyediakan juadah untuk sarapan. Auni menggantungkannya semula. Auni ke dapur. Sambil menyediakan sarapan pagi aku ditemani dengan beberapa buah lagu dari kumpulan lagu Dato Ahmad Jais. Sebenarnya aku memutar kaset itu semata-mata untuk mendengar lagu Syawal. Lagu itu agak rancak. Aku terikut-ikut sama menyanyikan lagu tersebut.

“Hai riang saja!” tegur Mak Limah yang masih berbaju tidur. “Mestilah. Takkan tak bersemangat Emm, wanginya bau daging rendang ni!” ujar aku lagi. Semalam, sewaktu masak daging rendang ini akulah yang paling sibuk. Maklumlah masak daging rendang bersama lemang kegemaran. Lagipun daging rendang bersama lemang istimewa pada hari raya sahaja. Setahun sekali baru dapat merasainya. Nanti apabila dimakan dengan lemangnya.....

“Auni! Auni!” “Ops!” Itulah.... ke mana tadi? Berkhayalkah? “Eh! Taklah. Teringat masak daging rendang ni semalam,” ujarku sambil tersenyum. Mak Limah menggeleng cuma, lalu beredar.

“Auni dah hidangkan semuanya?” Soal mama dari belakang. “Sudah, mama. Semuanya dah siap. Tinggal nak jamah saja.” “Okey, Auni pergi tukar baju dulu. Yang lain kebanyakannya dah siap. Kejap lagi nak bermaafan.” Mama mengarah lembut. Ketika aku ke atas untuk bersiap kelihatan yang melakukannya berbaju cara Melayu dengan kain jong sarat.

Manakala yang perempuan ada yang berbaju kebaya dan berbaju kurung. Aku pula berbaju kebaya biru. Selesai bersiap aku ke ruang tamu. Masing-masing sudah berkumpul. Kami bermaafan mengikut giliran. Dimulai dengan Mak Limah, kemudian diikuti oleh adik-adiknya. “Mama, Auni minta maaf. Selamat hari raya, mama,” ujarku sambil mencium tangannya. “Ya, mama maafkan.”

Kemudian aku mendapatkan papa pula, dan seterusnya saudara-maraku yang lain. Selepas bermaafan, mama dan papa menghulurkan sampul kecil berwarna hijau. Inilah adat yang aku alami sejak zaman anak-anak sehinggalah remaja kini. Keadaan ini akan berakhir jua beberapa tahun lagi. Begitu juga dengan saudaraku yang masih kecil itu. Mereka akan mengalaminya juga nanti. Selesai bermaafan kami bergambar beramai-ramai.

“Tok! Tok! Cepat!” laung anak saudaraku yang berusia lapan tahun. Mendengar laungan itu Tok segera berkumpul bersama. Seketika kemudian lampu imbasan kamera terpancar. Kemudian kami bersarapan. Selesai menikmati hidangan, masing-masing ke bilik air untuk berwuduk. Akhirnya, tiga buah kereta yang kesemuanya buatan Jepun itu bergerak keluar dari pekarangan rumah menuju ke masjid.

“Auni, mak Limah mana?” soal mak Timah. “Di hujung sana tu, dengan Yati,” ujarku seraya memandang ke arah Mak Limah. “Auni tolong pergi panggil Mak Limah. Kita nak ke kubur ni.” Mari Mak Limah, kita ke kubur. Mama dan Mak Timah tunggu di sana,” ajakku setelah mendapatkan Mak Limah. Kemudiannya kami beriringan menuju ke tanah perkuburan. Di situ ada kubur nenek mama, Mak Timah dan Mak Limah. Aku memanggilnya Nek Limah.

Nek Limah meninggal dunia tiga tahun yang lalu. Nek Limah pergi buat selamanya ketika aku masih di bangku sekolah rendah. Kasih sayang yang Nek Limah tumpahkan kepadaku ketika hayatnya masih dapat dirasai. Aku masih ingat, setiap kali aku pulang ke kampung Nek Limah akan menyediakan kuih-muih yang istimewa buatku. Kebanyakan kuih yang menjadi kegemaranku. Paling aku gemar ialah kuih bingka ubi. Kini, sejak ketiadaannya, aku tidak lagi dapat merasakan kuih yang se enak bingka ubi Nek Limah.

“Auni, marilah kita ke dapur. Nek Limah dah siapkan semuanya,” ajak Nek Limah sambil mendapatkan aku yang sedang bermain di ruang tamu. “Nek Limah masak apa?” “Nantilah.... Kita ke dapur dulu. Ha! ajak papa sama. Mama dah duduk di meja tu.” Nek Limah sengaja berkata demikian untuk menguji kesabaranku. Aku melepaskan jari-jemariku daripada terus memegang tangan Nek Limah untuk mendapatkan papa yang sedang berbual.

“Papa, Pak Abu, Nek Limah panggil ke dapur. Makan!” Papa masih rancak berbual sambil mengiyakan sahaja ajakku.

“Papa. cepatlah! Nek Limah tunggu tu. Papa.....” Aku terus mengajak kerana tidak berpuas hati dengan anggukan papa tadi. Akhirnya papa menurut. Aku berlari-lari anak mendapatkan Nek Limah semula.

“Cepatlah, Nek Limah! Auni tak sabar nak tengok apa yang Nek Limah masak.” “Ha! Ini jem Anggur. Nek Limah masak semalam. Makanlah dengan roti ni.” Nek Limah menyapukan jem tersebut pada roti lalu menghulurkan kepadaku. Aku memakannya berselera sekali.

“Malam nanti kita makan mee goreng pula,” kata Nek Limah ketika menemani aku di sudut meja. Sambil itu Nek Limah berbual mesra bersama cucu-cucunya. Hampir seminggu aku tinggal di rumah Nek Limah.

Setiap malam aku tidur bersamanya. Akhirnya, ketika akan pulang, Nek Limah memberikan aku sebotol jem. Gembiranya aku ketika itu. Peluk dan cium Nek Limah pada setiap aku tiba dan akan pulang masih aku rasai. Pada hari raya begini aku seolah-olah terasa panasnya titisan jernih dari kelopak mata Nenek Limah ketika mencium aku sewaktu bermaafan.

Semuanya itu berlaku empat tahun lalu. Itulah ciuman terakhirnya.

Nek Limah meninggal tanggal satu Syawal. Nek Limah tidak mempunyai penyakit. Namun, itulah ketentuan Tuhan terhadap setiap makhluk. Dia meninggal selepas Sembahyang Subuh. Walaupun telah sekian lama Nek Limah meninggal dunia, wajah lembutnya tidak pernah aku lupakan. Ketika sampai di rumah, kami ke dalam bilik menghadap cermin. Masing-masing membetulkan baju agar kelihatan lebih kemas. Mama menyepitkan sehelai selendang yang warnanya agak kontra dari baju kurung dengan kemas. Aku membantu mama memperkemas selendang yang bahagian belakang. Ketika Hari Raya begini terasa keanggunan menyerlah pada diri masing-masing.

Atas permintaan Nek Limah dan papa kami bergambar kenangan sekali lagi. Sebaik sahaja selesai menjadi model kami mula menerima kunjungan sanak saudara. “Assalamualaikum!” “Walaikumussalam!” sahut papa dari dalam. “Auni, pergi tengok siapa yang datang.” “Okey!” kataku lantas beredar dari sofa yang agak terlindung sedikit lalu menuju ke muka pintu.

“Eh! Pak Ludin! Jemputlah masuk. Papa ada di dalam,” pelawaku lalu menunjukkan ke arah sofa di sudut kanan. Aku bersalaman sambil bermaafan dengan pak Ludin dan mak Rubi. “Apa khabar, abang Aji?” ujar pak Ludin mendapatkan papa.

“Baik!” “Udin minta maaf banyak-banyak, bang. Selamat Hari Raya!”

“Abang pun begitu juga, Udin.” Papa kemudiannya rancak bergurau.

Maklumlah masing-masing jarang berjumpa. “Auni macam mana sekarang ni?” Mak Rubi bertanya ketika aku meletakkan jag air ais di atas meja. “Biasa saja, mak Rubi.” “Belajar okey? Periksa macam mana?” soal pak Ludin pula. “Baik saja. Tapi agak kecewa juga.” “E, mengapa pula ?” Pak Ludin kehairanan. “Auni tak dapat sasaran,” ujarku perlahan. “Maksud Auni? Papa khabarkan pada pak Ludin Auni bagus, kecuali satu yang agak teruk,” kata pak Ludin dalam nada yang masih kehairan. Dahinya dikerutkan sedikit.

“Betullah tu. Tapi, Auni nak yang pertama!” Aku kemudiannya mengambil tempat di sebelah mak Rubi. “Oh, begitu. Auni janganlah risau sangat. Yang penting Auni tambahkan usaha. Cita-cita tu akan tercapai nanti. Ingat, usaha lebih penting. Yang utama jangan lupa tanggungjawab kepada-Nya,” Pak Ludin memberi semangat. “Auni jangan putus asa. Ada dua semester lagi,” tokoh mak Rubi pula. “InsyaaAllah. Auni akan usahakan..... yang terbaik.” “Pak Ludin, mak Rubi, jemputlah. Semuanya dah terhidang ni.”

Belum pun sempat kerusi di meja makan panas, kami menerima tetamu lagi. Biasalah pada hari perayaan lebaran begini, ramai tetamu yang berkunjung. Tambahan pula kami mengadakan rumah terbuka. Sehingga pada sebelah petangnya keletihan mula dirasai. Namun, kegembiraan mengatasi keletihan itu. Inilah hari mulia yang menemukan sanak saudara dan sahabat handai dari jauh dan dekat.

Keesokan harinya papa merancang agar giliran seisi keluarga pula berkunjung ke rumah sanak saudara dan sahabat handai. “Auni, Auni, bangun.”

Terasa seolah-olah ada orang yang mengejutkan aku dan menggoyang-goyangkan bahu. Aku cuma mampu membuka mata kecil. Cukup sekadar sejalur cahaya masuk ke dalam mataku. Aku tidak mampu untuk melihat objek di hadapanku. “Apa? Bangun? Nak ke mana Nantilah!” ujarku masih dalam keadaan bawah sedar. “Hey, dah empat pagi ni.”

“Hmm.....” Aku masih tidak dapat membuka mata. Masih gelap pandanganku. Aku cuba bangun. Kepala terasa berat lalu tumbang di tempat yang begitu empuk. Aku kembali keadaan asal. “Auni, Auni, bangunlah!” Kedengaran suara mama menerjah ke gegendang telingaku.

“Nak buat apa bangun awal pagi ni?” tingkahku kembali. “E, masa berjalan ni. Nanti tak sempat bersahur.” “Bersahur?!” Aku segera bangun lalu melangkah sambil menggosok-gosok mata. “E, nak ke mana tu Auni,” tegur mama. “A? Oh.....” “Mengapa ni?” “Emm, tadi Auni mimpi sambut pagi Syawal tiba,” balasku apabila terasa sedikit kesegaran.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 25 Julai 2015

Pergi tidak kembali



Oleh:

ADI JIWA

SESUDAH menunaikan Fardu Isyak itu, mak cik Limah tidak segera bangun dari tikar sembahyangnya. Lama ia di situ menadah tangan, berdoa kepada Allah supaya diselamatkan roh suaminya yang sudah meninggal dunia empat tahun dulu itu. Berdoa juga semoga anak-anaknya selamat di dunia ini. Dan entah apa-apa lagi yang dipintanya kepada Tuhan yang Maha Berkuasa. Anak perempuannya sudah menyiapkan makanan di dapur. Aini anak bongsunya yang berumur 10 tahun itu sedang membaca majalah sekolahnya di ruang tamu. Nasi sudah terhidang tapi ibu masih juga di tikar sembahyangnya.

“Heh!abang Isa balik.....!” jerit Aini keriangannya.

Dilihatnya anaknya yang ditunggunya beberapa hari itu sudah tersandar di kerusi keletihan nampaknya. Ibu menghampirinya, “Ke mana kau pergi Isa? Satu minggu tak balik-balik?,” tanya ibu dengan bimbangannya. Isa berdiam saja. Dan pertanyaan itu tidak dijawabnya. Dia bosan mendengar pertanyaan-pertanyaan begitu. Terasa dirinya seperti anak-anak yang masih mentah perlu diulas setiap gerak dan langkahnya. Sudah bosan telinga itu mendengar pertanyaan begitu. Dia mematikan diri. Ibu menanti-nanti juga. “Aku tanya ke mana kau tak balik-

balik?” ulang ibu. Ditatapnya muka anaknya itu lama-lama. Rambutnya panjang hingga ke tengkuk dan lentik pula dihujungnya. Matanya merah macam orang demam panas satu minggu.

Mata ibu seolah-olah hinggap pula ke dadanya yang gagah itu. Di tangan ibu seutas tasbih yang pendek berwarna hitam. Isa selamba saja direnung ibu begitu. Sebentar kemudian ia tersenyum lagi. Ibu lama merenung muka anaknya yang duduk tersandar di kerusi malas, di ruang tamu itu seperti amat letih.

“Abang pergi ke mana? Lama abang tak balik?,” tanya Aini yang sama menunggu abangnya sejak beberapa hari ini. “Abang dah kerja!,” Jawabnya ringkas tanpa melihat muka ibunya. “Kerja?,” Ibu menyampuk segera. “Kerja apa?,” ulangnya dengan meninggi. “Kerja apa kau dapat dengan kelulusan kau tu?,” sampuk Zaiton kakaknya. “Kerja dapat duit,” sahutnya seperti berolok-olok. “Aku tanya betul-betul ni. Jangan nak bermain-main dengan kami semua. Dah cukuplah tu.....” dia terhenti di situ. Tidak tergamak ia hendak mengulangi akan kisah-kisah lama yang sungguh menyakiti hati ibu dan seluruh keluarga akan apa yang sudah dilakukan adik lelakinya itu.

“Kakak jangan nak perli-perli aku. Aku hidup tak minta wang gaji kakak.....,” katanya tiba-tiba dengan lantang dan bangun dari tempat duduknya. “Duduk dulu. Aku.....Aku ibu kau ni, yang ibu tak tau ke mana kau pergi hingga satu minggu tak balik-balik ke rumah? Ke mana kau Isa?,” Keras dan lantang suara ibu.

“Tak payahlah ibu tanya-tanya ke mana Isa pergi tak balik tu. Isa ada di bandar. Isa tinggal di rumah kawan.....,” terangnya dengan melemparkan baju belang-belangnya ke sudut bilik tamu itu. Zaiton merenung tajam ke arah baju yang terletak di atas meja itu.

“Sampai bila kau nak jadi macam ini Isa? Merayau-rayau siang malam tak tentu pasal,” merendah suara ibu. Rasa kesalnya tidak terhingga. “Sampai mati,” sahutnya selamba.

Zaiton mengetap bibir. Geram ibu mengeluh panjang. Dan bersuara. “Tiga hari dulu kakak Zaiton kau ada menulis surat lagi.” Ibu terhenti seketika. Zaiton diam mendengarnya. Isa juga sama terkaku. Entah ia sama menunggu akan apa yang mahu dicakapkan ibunya itu atau termenung berangan-angan tidak siapa yang tahu.

“Dia suruh kau masuk sekolah lagi. Belajar lagi. Tak usah terburu-buru nak cari kerja.....” sambung si ibu masih merendah. Isa mencebikkan bibirnya.

“Belajar ???,” pekiknya. “Iya.....” Tak usah sebut lagi pasal belajar. Kan dah saya katakan dari dulu-dulu lagi. Saya tak mahu belajar, saya dah dapat kerja.” “Kerja dapat duitlah.....,” jawabnya seperti berolok-olok.

“Isa.....! dengar cakap ibu ni. Ibu dan arwah ayah kau dulu, berharap supaya anak lelaki yang seorang ini, jadi manusia yang berpelajaran tinggi.....”kata ibu seperti amat terharu. “Dah.....dah! tak usah sebutlah.....cerita merepek. Tak usahlah ibu berangan-angan nak melihat anak ibu ni naik tangga universiti ke, belajar seberang laut ke. Tak usah.” Benci telinganya mendengar angan-angan dan harapan ibu dan keluarga. ‘Kaulah anak lelaki yang tunggal dalam keluarga ini Isa. Kaulah yang aku harap-harapkan untuk menjaga nama baik keluarga kita. Tapi kau sesiakan harapan kami, Isa.....Isa!’ Ibu menundukkan kepala.

“Kalau ibu teringin sangat nak melihat anak ibu jadi doktor, jadi lawyer, ha.....kakak Zaiton ada, kak Salmah ada, adik Aini ada. Dia.....dia akan menunaikan hajat ibu tu.....” Katanya, merenung muka Zaiton seperti mencabar. Kemudian ia tersenyum sinis. Sakit mata Zaiton melihatnya. Bidadah! “Sungguh-sungguh ke kau tak mahu belajar lagi, Isa? Kak Salmah kau sanggup mengeluarkan wang sekolah kau.....” tanya ibu lagi masih belum putus asa. “Kan saya dah kata saya malas belajar. Susah.....,” tengkingnya. “Kan lebih senang makan tidur, merayau-rayau, berkawan dengan budak-budak nakal tu.....” sindir Zaiton. Panas telinga Isa. Di saat itu juga ia bangun berjalan menuju ke kerusi Zaiton. “Cakap sekali lagi macam tu. Kakak tahulah padahnya nanti.....,” ugutnya. Kecut hati gadis itu. Tidak ada suara yang keluar dari bibir nipis itu. Ibu bimbang sebenarnya. Direnungnya muka kecil kakaknya itu dengan mata yang besar bulat seperti mahu menerkam.

Ibu mengerti akan makna pandangan yang tajam itu. “Sudah...sudah,” tegah si ibu dengan bimbang. “Itu sebab Isa tak mahu balik ke rumah ni,” jeritnya dengan kuat. Aini ketakutan dan segera mendapatkan ibunya. Ibu mengurut dadanya sebentar. Sakit rasa dadanya melihat anak-anaknya mahu bertengkar itu. “Isa! sedar diri tu sikit. Dia kakak kau. Dia lebih tua dari kau. Dia patut mengingatkan kau. Cubalah fikir sikit. Kau tu dah besar panjang. Dah patut benar mendengar nasihat dari orang tua. Tak gunalah otak yang di kepala kau tu, kalau kelakuan macam binatang yang tak berakal.....” ibu sudah tidak dapat menahan sabarnya lagi.

“Nasihat apa yang saya mesti ikut ni?” Pekiknya seperti orang tiada siuman saja layaknya. “Dahlah tak berpelajaran, tak kerja. Kelakuan tu biarlah baik, di mana sopan santun?,” ejeknya. “Dunia sekarang bukan dunia sopan santun, bukan dunia budi bahasa lagi ibu. Dunia sekarang ialah dunia kemewahan dan kebendaan.” Ditekan suara seperti ibunya tidak mengerti akan maksud cakap-cakapannya itu. “Kalau itulah tujuan hidup kau. Tak guna kau hidup di dunia ni.....,” tekan ibu berfikir panjang lagi sudah jemu ia memberi nasihat. Dari berlembut hingga berkeras. Dan kadang-kadang seperti orang bergaduh kecil dengan anak lelaki yang seorang ini. Dia benar-benar hampa dengan sikap anak yang degil itu. Isa tidak segera menjawab kali ini. Dia tersenyum lebar kemudian ketawa terbahak-bahak amat geli hati. Ibunya menggeleng-gelengkan kepala. Zaiton dan Aini memerhatikan saja lagak Isa, yang sudah tidak dapat mengawal perasaan itu.

“Ibu.....,” katanya, kemudian dia ketawa lagi. Geli benar hatinya. Apa yang lucu? “Ibu....saya pun tak minta supaya saya lahir di dunia ni. Saya..... saya tak suka ibu menasihati saya lagi.....” dia ketawa lagi. Terpegun ibu entah beberapa lama. Isa terus juga ketawa. “Sudahlah Isa! Jangan nak tunjuk kurang ajar kau tu.....Isa” Zaiton tidak dapat bersabar lagi. Itu sudah terlalu.

“Tidak ada hatikah lagi mahu menjadi manusia yang baik Isa?” Soalnya dengan tenang seperti tidak ada apa-apa yang dapat ditangkap dari cemuhan anaknya itu. Zaiton kesal dengan sikap ibu yang selalu mengalah itu. “Jahatkah saya ini ibu?,” tanya dengan suara kasar. “Isa.....Isa!” ibu menggeleng-geleng kepala lagi. “Kalau beginilah kau Isa. Aku rela kau mati saja dari hidup cuma mahu membusukkan nama ibu dan ayah mu.....”

Kata ibu dengan suara yang jelas. Ditatapnya muka gagah anaknya yang di hadapan itu dengan mata yang tidak berkelip-kelip hingga membuat Isa serba salah. Berderau darah panasnya naik ke muka. Zaiton pergi mendekati ibu lalu menangis.

“Ibu....ibu.....! Jangan cakap macam tu. Jangan.....,” rayunya dengan tangisnya. Kecut isi perut mendengar kalimah yang tidak pernah didengarnya itu. Barangkali ibu sudah putus asa. Ibu sudah tidak dapat menahan sabarnya lagi. Ketawa Isa yang memecah bilik tamu tadi terhenti tanpa dipinta. “Dari Allah kau datang, kepada Allah kau ku pulangkan,” ulang ibu dengan tenang. Wajahnya tadi muram dan gelisah kini aman dan yakin sekali.

“Ibu.....jangan cakap macam tu.....,” pujuk Zaiton dengan tangis takutnya. Ia mendengar pengucapan yang secebis itu. “Isa.....!,” seru Zaiton. Tapi adik itu tidak memperdulikan panggilan si kakak. Dia keluar semula. Zaiton termenung di muka tingkap melihat yang serba gelap itu.

Hatinya sakit, kesal dan sedih mengingatkan peristiwa yang baru berlaku itu. Entah apa yang didoakan oleh ibu di tikar sembahyang itu Zaiton tidak tahu. Barangkali ia berdoa juga supaya melembutkan hati Isa balik ke jalan yang benar. Hancurlah hati ibu melihat sikap anaknya sendiri membantah nasihatnya. Zaiton sama merasakan kesedihan itu.

“Kau dah makan?” tanya ibu selesai sembahyang itu. “Belum,” jawab Zaiton. “Marilah kita makan. Aini.....marilah makan.....,” seru ibu. Anak kecil itu meletakkan bukunya dan membantu ibu dan kakak ke dapur. “Isa ke mana?,” tanya ibu. Masih juga ingat akan anaknya itu. “Dia keluar.....,” sahut Zaiton sepatah. Ibu tidak bertanya lagi. Mereka bertiga terus menyuap tanpa bercerita apa-apa. “Tinggalkan nasi dan lauk ni sedikit untuk Isa? ,” kata ibu. Ah, masih juga anak yang degil itu, bisik Zaiton di dalam hati. Bila melihat sikap ibu yang berlembut itulah Zaiton naik geram. Ibu terlalu berlembut.

Malam itu seperti malam yang berlalu juga. Ibu tidak dapat melelapkan mata dengan aman. Selalu saja ia terjaga dari tidurnya. Dan entah mengapa telinganya terdengar-dengar akan suara Isa memanggilnya menyuruh ia membuka pintu. Selalunya begitulah, Isa akan balik tengah malam. Dan kadang-kadang tiga pagi. Tetapi sejak akhir-akhir ini anak itu tidak pulang langsung hingga beberapa hari. Di malam yang serba sepi itulah ia akan meningkatkan semula, kisah anak yang sangat disayangi oleh suaminya itu. Kelahirannya memberi cahaya gembira seluruh keluarga.

Suaminya memang berharap-harap supaya dapat seorang anak lelaki dalam keluarga. Diingatkan benar-benar bagaimana keruhnya muka suaminya bila anak kedua juga seorang perempuan. Anak sulung perempuan, kedua perempuan. Tapi ia selalu memujuk suaminya supaya jangan putus asa. Mungkin anak ketiganya seorang lelaki. Doanya entah berapa banyak di waktu isterinya sedang mengandung anak ketiga itu. Tapi nyatalah doanya dimakbulkan Tuhan. Anak ketiga itu lelaki ia itulah Isa. Dan diberi nama yang elok dengan harapan supaya membawa pembawaan budi pekerti yang elok juga. Dibuatlah majlis doa selamat yang sederhana di hari kelahirannya. Sungguh tak dapat digambarkan betapa gembira hatinya di saat-saat itu. Menitis air matanya jatuh ke pipi. Ia terharu mengingatkan kisah-kisah indah di masa lalu itu. Bila Isa

mula bersekolah suaminya pernah bercita-cita supaya anak lelaki itu menjadi manusia yang berguna. Biarlah anak itu menjadi seorang peguam. Semakin banyak air mata turun ke pipi.

Cita-cita tinggal cita-cita saja. Harapan menjadi kenangan cuma kini. Anak itu sudah tidak dapat dibentuk kini. Anak itu sudah tidak menerima nasihat lagi. Mak cik Limah mengeluh panjang di dalam gelap malam itu. Selalu ia bersoal-jawab sendiri kenapa dan mengapakah anak itu menjadi jahat begitu. Kurangkah didikan yang diterima. Cuaikah ia memelihara anak-anak. Atau apakah yang sebenarnya? Rasanya tidak pernah ia membiarkan saja akan gerak langkah si anak. Tapi sayangnya anak itu berlagak. Seperti anak yang terbiar, jahat, kasar. Sampai bilakah ia mesti berkelakuan begitu?

“Manusia selalu berubah-ubah, ibu. Hari ini jahat, ganas, mungkin esok lusa ia akan insaf, akan jadi manusia yang berbudi semula.....” begitu Zaiton menyenangkan hati ibunya di suatu masa dulu. Benar juga bisik hati mak cik Limah. Ia akan berubah. Tapi kalau begitulah caranya hingga ke tua, aku lebih rela ia mati saja dari hidup cuma mahu membusukkan nama orang tuanya. Aku rela.....aku rela.

Isa tidak balik-balik juga. Ke mana ia menghilangkan diri tiada siapa yang tahu. Hati si ibu resah juga menanti.”Kau pergi balik ke bandar tak bertemu muka dengan Isa di tengah jalan, Ton?” Tanya ibu di anak tangga rumah menyambut kepulangan guru muda itu dari sekolah. “Bandar ni besar ibu. Entah ke mana Isa tinggal saya tak tahu. Sabarlah ibu. Dia akan balik juga nanti.....,” pujuknya. Tapi dalam hati rasa cemburunya timbul tiba-tiba. Anak yang degil itu masih disebut-sebut, masih dikenang-kenang juga.

“Bila ibu buat kuih bingka ubi ni? Dah lama tak makan kuih bingka ni.....” Zaiton riang saja menyumbat ke mulut kuih yang terhidang di meja makan di dapur itu. “Tadi ibu buat. Makanlah kuih tu kalau suka” kata ibu. “Banyak ke ibu buat?” “Banyak.....kalau ada si Isa hemm.....bukan main gemar dia dengan kuih bingka ubi ni.....,” sambung ibu. Bibir Zaiton terjuhi sedikit. Lagi-lagi Isa. Anak tak tahu diuntung itu juga yang tidak lepas dari bibir.

“Kak Salmah juga suka kuih bingka ubi.” Zaiton sengaja mengingat ibunya akan kakak sulungnya yang mengajar di Kuala Belait itu. “Hemm.....nanti bila Kak Salmah kau balik nanti ibu buatlah kuih banyak-banyak untuknya.....,” jawab ibu sambil tersenyum senang

Zaiton ikut tersenyum. Ia salah duga. Ibu juga sayangkan kakak Salmahnya seperti Isa juga barangkali. Tapi ia lebih sayang akan kakaknya dari adiknya yang degil itu. Sesungguhnya dia jarang mengingatkan adik yang hilang itu. Tapi malam itu ia benar-benar terkejut bila pintu rumahnya diketuk orang. Ibu cepat bangun dari katilnya. “Siapa? ,” tanya ibu kebingungan. “Saya polis,” kata suara di luar. “Buka pintu ni mak cik,” kata suara itu lagi. “Polis ibu.....,” kata Zaiton ketakutan. Pintu dibuka, tiga orang polis tercegat di muka pintu. “Ada berita kurang baik.....,” kata orang yang berpangkat sarjan itu. “Kenapa? Apa yang dah terjadi?” Ibu begitu cemas nampaknya. “Anak mak cik, Isa mendapat kemalangan.....marilah ikut saya ke hospital” kerah mata-mata berpangkat sarjan itu. “Berlanggar ke?,” tanya Zaiton pula belum puas hati.

“Dia.....” Sarjan terhenti di situ. “Dia memandu keretanya sangat laju, terjadilah satu pelanggaran dengan sebuah kereta yang hendak menuju ke Bandar Seri Begawan. Kereta yang dipandunya terbalik di simpang selekoh jalan ke Gadong,” terang kawannya pula.

“Ya Allah anak aku.....,” jerit ibu. “Tunggu sebentar encik, “ kata Zaiton. Mereka masuk ke dalam sebentar. Zaiton menukar baju tidurnya. “Apa yang ibu bawa ni?” Zaiton kehairanan melihat bungkusan di tangan ibu. “Kuih bingka ubi untuk Isa.....,” sahut ibu bergopoh-gapah turun tangga. Zaiton menarik nafas panjang. Tapi kuih bingka ubi untuk Isa tidak dapat dimakan oleh anak kesayangannya itu. Anak itu pergi sebelum dapat melihat wajah ibunya. Zaiton tidak dapat menahan perasaan sedihnya lagi. Ia meraung di sisi adiknya itu. Sesungguhnya ia tidak dapat menduga adik itu akan pergi dulu darinya.

Ibu tidak sedikit pun menitiskan air matanya hinggalah di saat mayat Isa diusung orang ke tanah perkuburan. Dengan matanya yang jernih, wajah yang damai ia memandang terus usungan yang membawa anak yang dikasihinya itu.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 10 Oktober 2015

Esok belum nampak sinarnya



Oleh:
Utusukushii_tsuki

MAK, kita tak boleh buat tuduhan melulu. Kita kena siasat dengan lebih terperinci. Mungkin yang mak tengok itu sepupu Aril," lirih suara Ayu memujuk ibunya supaya tidak membuat tindakan terburu-buru. Kelak memakan diri sendiri.

“Apa sangat yang nak disiasat ni Ayu. Dah terang dan nyata lagi bersuluh mak nampak dia berdua-duaan dengan perempuan lain di belakang Ayu. Takkan perkara ni pun Ayu tetap nak diamkan. Dah puas Ayu bersabar. Mak tak nak Ayu menyesal kemudian hari. Mak sayang kat Ayu..” panjang lebar Hajah Fatimah mempertahankan hujahnya sebagai titian buat anak kesayangannya, Ayu untuk berfikir tentang masa depannya apatah lagi tentang perkara yang bersangkutan paut dengan hubungan Ayu dan tunangnya, Aril.

“Mak, Ayu percaya Aril jujur dengan hubungan kami. Kalau dia tak jujur dah lama dia putuskan hubungan kami lagi pun kita belum dapat pastikan siapa perempuan tu dalam hidup Aril. Mak pun bukan tengok mereka berdua-duaan di tempat yang sunyi. Mak jangan risaulah, nanti

Ayu cuba tanya dengan Aril sendiri ya mak. Sekarang ni mak pergilah rehat dulu,” Ayu pula bijak membidas hujah emaknya. Ayu berpura-pura tenang di hadapan ibunya sedang dihati ada rasa gelisah yang rancak menari. Tapi demi ibu tercinta dia tidak mahu ibunya turut kkuatir dengan hubungannya dan Aril yang seperti retak menunggu belah.

Hajah Fatimah menggelengkan kepalanya sebelum berangkat masuk ke dalam biliknya. Hati keibuannya tersentuh melihat anak tunggal kesayangannya seperti boneka, dipertainkan seolah tidak punya perasaan. Meskipun hati tuanya berenang di kolam kesedihan tapi tetap terselit perasaan bangga dengan sifat tegar anaknya. Kalau dilihat dari sudut rupa, Ayu memang cantik, seayu namanya Nur Arissa Ayuni.

Dilihat dari segi tingkah laku memang penuh dengan sopan santun dan berbicara dengan selembut bahasa. Bercakap mengenai amalan memang tidak pernah tinggal satu rakaat sembahyang dalam sehari. Kalau ada masa lapang dihabiskan dengan membaca Al-Qur'an apatah lagi di saat hati Ayu dirundung rasa gelisah. Hajah Fatimah sudah arif dengan sifat dan perangai Ayu yang tidak pernah meluahkan perasaannya kepadanya melainkan kepada sesuci kitab Al-Qur'an. Kerja dapur, memang Hajah Fatimah tidak perlu mengupah orang gaji semuanya beres dengan tangan lembut anak gadisnya yang bernama Ayu. Entah di mana kurangnya Ayu di mata Aril sehingga sanggup mengabaikan Ayu. Dulu bukan main cepat nak masuk meminang Ayu. Konon takut disambar orang. Tapi lihatlah sekarang Ayu dia dah sambar tapi masih mahu nak menyambar anak orang yang entah baikkah tidaknya. Sempat hati tua Hajah Fatimah berbicara sendiri mengenang nasib anak tunggalnya. Entah pukul berapa Hajah Fatimah terlelap sendiri.

Ayu di biliknya sudah siap duduk bersila menghadap sebuah Al-Qur'an yang bisu tetapi penuh dengan kenikmatan dan mampu meluruhkan daun-daun sedih dari ranting jika yang tidak keruan. Ayu tidak pernah mengeluh andai ditimpa sebarang musibah. Seandainya silap datangnya dari dirinya sendiri dia akan cuba untuk memperbaikinya dan jika berlaku sebarang masalah yang dikerjakan oleh orang lain untuk mengenakan batang hidungnya, Ayu akan cepat-cepat memohon

keampunan kehadiran Ilahi kerana telah menyebabkan orang lain berniat jahat hingga berani membuat perkara yang tidak elok. Ayu terlalu mudah memaafkan orang lain dan tidak pernah menyimpan dendam terhadap orang lain. Bagi Ayu setiap yang bernafas di muka bumi ini melakukan kesilapan. Begitu jua dirinya dan tidak kurang juga orang yang dicintainya, Mohd. Aril Bahzi yang sudah hampir tiga tahun menjadi tunangnya. Tapi apakah kali ini dia akan memaafkan kesalahan yang dilakukan oleh tunangnya sendiri. Entah..dia sendiri pun kurang pasti. Hanya masa yang akan menjawab soalan itu.

Jam sudah menunjukkan pukul 2 pagi entah sudah berapa lama Ayu menghabiskan waktunya dengan bermunajat minta dihapus segala rasa gelisah, sedih dan pilu yang mula merantai perasaannya. Setelah puas dengan bacaannya Ayu bingkas dan menuju arah katil bujangnya tempatnya beradu. Sebelum tidur Ayu menatap seketika gambar Aril yang tampilkan. Seketika fikirannya belayar jauh ke Paris. Di situlah mulanya perkenalan Ayu dengan Aril. Ketika itu Ayu bercuti selama tiga hari dua malam di negeri idamannya yang menjadi igauan mimpi oleh semua orang kerana Paris terkenal dengan sebuah negeri yang penuh dengan warna-warna keromantisan. Memang benar apa yang dikata orang, di situlah mulanya bibit cinta yang kian menyubur di taman hati. Tapi kenapa di saat hati penuh dengan sewangi harumnya kasih terhadap Aril. Aril seakan menjauhkan diri. Sudah dua minggu Aril tidak menghubunginya ketika di rumah mahupun ketika di pejabat. Ayu sendiri pun tidak pernah meringankan tangannya untuk menghubungi Aril. Mungkinkah Ayu merajuk. Apakah yang terjadi sebenarnya. Siapa pula perempuan yang dilihat ibu bersamanya dan esok dapatkah ku temui jawapannya Akhirnya. Ayu terlelap dengan sekalung soalan yang belum terjawab.

Jam kecil yang sudah dikunci Ayu sebelum tidur semalam menjalankan tanggungjawab mengejutkan tuannya untuk bangun tepat jam 5 pagi agar segera mengerjakan suruhan Allah. Selesai menunaikan Solat Subuh dan berdoa panjang di penghujungnya Ayu bergegas masuk ke dapur untuk menyediakan sarapan pagi khas untuk ibu dan ayah kesayangannya. Sudah menjadi rutin hariannya begitu. Bukan tidak mampu untuk menggaji pembantu rumah tapi bagi keluarga kecil itu

adalah lebih baik sekiranya dapat melakukan kerja rumah dengan tangan sendiri selain daripada dapat mengelakkan sifat malas, bekerja dengan tangan sendiri juga tidak perlu menyalahkan sesiapa seandainya berlaku sebarang kesilapan.

“Mak..abah.. duduklah kita makan sama-sama. Nanti lewat pulak nak pergi kerja,” sambut Ayu ketika melihat kedua orang tuanya berjalan beriringan menuju ke arahnya.

“Yalah nak duduklah ni.. takkan nak baring kut.. ha Ayu pun makan sekalilah..tentu sedap ni kalau Ayu yang masak. Sampai menjilat jarilah katakan,” ujar Haji Kasim berseloroh mengajuk sebaris ayat yang sering ditutur dalam iklan makanan segera, KFC.

“Alah abang ni..anak siapa kalau bukan anak Timah...” ibunya Hajah Fatimah pula mengambil tempat. Mendepakan tangannya ke arah dada angkat bakul naik sendiri.

“Sudah-sudahlah tu mak.. abah... dah Ayu memang pandai masak esok-esok nak juga Ayu masuk uji bakat jadi tukang masak terhormat. Sekarang ni kita makan dulu jangan asyik berbual saja nanti nasi lemak Ayu masak tidak habis perut mak abah kosong!,” panjang lebar ayu berhujah dan akhirnya mereka sama-sama ketawa.

Nasi lemak sambal ikan pusu yang disediakan Ayu pagi itu memang membangkitkan selera kedua orang tuanya tambahan lagi turut disediakan seteko kopi pekat yang sudah menjadi kegemaran dan menu harian mereka setiap pagi lebih-lebih kopi yang dibancuh dengan tangannya sendiri. Memang terangkat! Selesai makan dua pinggan nasi lemak sambal pusu ketiga-tiga mereka bergerak keluar dari dapur untuk bertolak pergi ke pejabat. Hari ini Ayu ingin pergi ke tempat kerjanya dengan menggunakan khidmat keretanya sendiri, manakala kedua orang tuanya dibiarkan pergi bersama dengan kereta ayahnya.

“Elok-elok memandu ya Ayu jumpa nanti di pejabat,” sempat Hajah Fatimah menasihatkan anak kesayangannya supaya berhati-hati

ketika memandu walaupun tahu anaknya itu sentiasa berdisiplin ketika memandu.

“Yalah mak.. abah pun jangan pandu laju sangat ya..,” balas Ayu sambil menyalami tangan Haji Kasim sebelum melangkah masuk ke dalam keretanya.

Sepanjang pemanduan Ayu ke pejabat fikiran Ayu sedikit tersasar memikirkan tunang kesayangannya. Kalau boleh Ayu ingin menyelamatkan hubungan mereka tapi andai sekiranya sudah kritikal benar Ayu pasrahkan saja kehadiran Ilahi. Mungkin tiada jodoh antara mereka berdua.

“Selamat pagi Ayu..,” sapa beberapa pekerja bawahan ayahnya. Ayu memang sudah berpesan kepada semua orang di tempat kerjanya untuk memanggilnya dengan nama Ayu saja. Tidak perlu berencik-encik jauh sekali untuk dipanggil puan. Bagi Ayu pangkat bukanlah satu perkara yang boleh membezakan diri seseorang itu dengan yang lainnya. Baginya lagi semua manusia itu sama tarafnya di mata Tuhan. Kita hanya peminjam di dunia ini tiada yang kekal melainkan Allah jua. Begitulah pesan kedua orang tuanya.

“Selamat pagi,” balas Ayu sambil melemparkan senyuman paling manisnya. Berhasil membuang jauh masalah hubungannya dengan Aril.

“Ibu dan ayah Ayu dah sampai awal tadi..Ayu tak satu kereta ke?,” tanya Midah teman paling rapat Ayu.

“Ya.. hari ini Ayu malas nak kacau daun nak biar mak dan ayah beromantik..,” seloroh Ayu sebelum meninggalkan Midah dan Aisyah dan bergerak masuk ke biliknya. Selebihnya Midah dan Aisyah yang mendengar suara nakal Ayu hanya tertawa.

“Nakal betul Ayu tu ya... ehe kalaulah semua orang macam mereka sekeluarga tu aman dunia kan Syah,” ujar Midah setelah menghabiskan tawanya.

“Betul tu.. tak sombong dan sering menitikberatkan hal ehwal pekerja. Syukurlah kita tak dapat bos ganas macam singa...”

“Kenapa dengan singa Aisyah?,” sampuk Hajah Fatimah (lebih mesra dipanggil Mak Mah) yang mendengar perbualan dua orang sahabat anaknya sambil memegang dua cawan koko panas. Tentu baru keluar dari pantry. Sudah menjadi tabiat Hajah Fatimah untuk menyediakan minuman sendiri ketika dipejabat tak perlu minta tolong orang lain buat. Sendiri buat baru lah best!

“Tak adalah Mak Mah... saja berbual pasal singa yang terlepas di zoo hari tu,” seloroh Midah pula membuatkan ketiga-tiga mereka tergelak.

“Macam-macam lah awak berdua ni. Nanti tak pasal-pasal kamu berdua ni diurat singa jantan. Nahaslah kamu dapat laki singa!,” balas Hajah Fatimah sambil membeliakkan sedikit matanya seolah-olah sedang menakutkan dua orang budak kecil. Sudahnya mereka ketawa lagi.

“Eh..melarat pulak saya ni..kalau macam tu saya masuk dululah.. nanti tertunggu-tunggu pula singa yang nak minum koko panas ni,” sempat lagi Hajah Fatimah bergurau sebelum berlalu masuk ke dalam biliknya. Sebenarnya bukan biliknya saja tapi bilik suami dan juga anaknya Ayu.

Bilik itu dipecahkan kepada tiga bahagian.. beraja di bilik pertama adalah Haji Kasim sebagai ketua, manakala permaisurinya Hajah Fatimah melakukan tugasnya dalam bilik nombor dua dan setentunya bilik nombor tiga didiami oleh si puteri Ayu yang cantik jelita.

“Nah bang minumlah...,” Hajah Fatimah segera meletakkan secawan koko panas di atas meja kerja suaminya.

“Eh Timah yang awak sengih-sengih ne apa halnya. Kena sampuk ke?,” soal Haji Kasim kehairanan melihat isterinya seolah-olah ada perkara lucu yang menggeletek hati isterinya.

“Tak da lah bang.. tu ha.. budak berdua Midah dan Aisyah tu macam-macam ceritanya siap bawa cerita singa lah apa lah..” balas Hajah Fatimah menghabiskan sisa tawanya.

Tanpa menunggu suaminya membalas Hajah Fatimah terus meluahkan perasaan tidak puas hatinya tentang Ayu dan Aril. “Ni ha... sebenarnya Timah ni risau bang tentang hal anak kita Ayu tu. Semalam waktu pulang dari pasar beli sayur. Timah singgah sekejap dekat mall tu ha. Abang tahu.. apa Timah nampak?,” sengaja Hajah Fatimah menyoal suaminya.

“Tak tahu lah..kan awak yang nampak bukan saya. Habis tu apa yang awak nampak?,” soal Haji Kasim kembali. Kelihatan berminat untuk mendengar cerita lanjut dari mulut isterinya.

“Timah jumpa Aril bang.. berkepit dengan perempuan. Tak taulah nak kata apa. Ayu tak nak besar-besarkan hal ni bang. Ayu cakap mungkin sepupu Aril. Tapi takkan begitu mesra bang” suara Hajah Fatimah sedikit mengecil takut didengar dek anak kesayangannya.

“Betul lah tu.. entah-entah sepupu dia ke.. kita tak boleh nak ikut campur biar Ayu aja yang selesaikan masalahnya. Mereka tu bukan budak-budak lagi. Tahulah mereka nak buat apa,” Haji Kasim juga mengikut rentak Hajah Fatimah mengecilkan sedikit suaranya.

“Sekarang ni kita siapkan kerja kita nanti tak pasal-pasal pulak projek penting ni tergendala,” ujar Haji Kasim memberi arahan.

“Baik lah bang. Timah masuk bilik dulu lah. Timah pun ada kerja yang belum selesai,” balas Haji Fatimah segera bergerak masuk ke dalam biliknya yang terletak di sebelah kanan bilik Haji Kasim. Setelah pintu bilik Hajah Fatimah tertutup pintu bilik sebelah kiri pula terbuka dan Ayu keluar dengan beg kecil yang tersangkut di bahu kirinya. Haji Kasim yang melihat terus menegur.

“Nak kemana ni Ayu..?,” soal Haji Kasim pendek, “Ayu keluar kejap abah...nak jumpa balak kalau ada apa-apa abah suruh aja Aisyah kat luar tu. Dia boleh tolong ambilkan barang-barang yang abah berkehendak,” balas Ayu pula seolah majikan bercakap dengan pembantu lagaknya.

“Amboi.. bukan main lawa lagi nak suruh anak orang.. Hmm oklah demi anak abah. Ayu pergilah jumpa balak. Jangan balik lambat pulak. Call abah kalau balak tu pandai buat macam-macam,” gurau Haji Kasim bila melihat muncung Ayu. Takut-takut nanti sedepa muncungnya tu. Lagipun aku sudah tahu benar ni mesti nak jumpa balak Aril. Rindu kut.. Bisik Haji Kasim sendiri sambil tersenyum.

“*Thanks* abah...sayang abah..,” lantas Ayu mencium pipi tua ayahnya dan berlenggok keluar dari bilik ayahnya.

Setelah menelefon Aril sebentar tadi mereka akhirnya setuju untuk berjumpa di sebuah restoran berdekatan dengan pejabat ayah Ayu.

Malas nak pandu jauh-jauh nanti kalau pandu dalam keadaan tengah hot takut-takut emosi yang jadi pemandu. Tak kah naya tu!

Setelah sampai Ayu memakir kereta Hondanya di sisi ‘Restoran Hajah Napisah dan anak-anak’ antara restoran makan kegemaran Ayu untuk melayan liurnya. Masakan yang disediakan sedap belaka dan harganya berpatutan. Kalau sehari tidak terpacak dekat restoran itu akibatnya boleh meleleh liur. Bukan sahaja Ayu yang sering bertandang ke sana malahan hampir keseluruhan penduduk tetap yang bekerja di pejabat ayahnya juga selalu melunaskan perut yang lapar di sana. Lebih-lebih lagi restoran makan itu dikendalikan sendiri oleh keluarga Hajah Napisah yang semuanya peramah dan cepat mesra tak hairanlah restoran itu tidak pernah sunyi. Ada saja cerita sensasi sampai yang tak sensasi pun diperjajakan. Bukan apa saja nak menghidupkan suasana. Seluruh isi restoran tau cerita kan best!

Memang benar. Ketika Ayu melangkah masuk sudah kelihatan pelanggan tetap restoran itu dan kedengaran juga mereka berbual-bual

mesra antara satu sama lain. Ayu yang kurang berminat untuk turut sama berbual terus mengambil tempat duduk yang sedikit terpencil. Bukan tidak mahu berbual sama tapi tidak berminat. Ayu cuma ingin menunggu ketibaan putera rajanya.

“Ayu...*sorry* lah lambat sikit.. bukan senang nak cari parking dekat restoran ni. Siap pusing tujuh keliling. Tawaf tak berihramlah Aril” Aril terus membuka mulut sambil melabuhkan punggungnya di atas kerusi kuyu yang berkusyen biru tua itu. Tepat di hadapan Ayu.

“Tidak mengapa..Ayu paham tadi nasiblah masa Ayu sampai ada kereta yang nak keluar kalau tidak Ayu pun samalah macam Aril juga. Tawaf tidak berihram” balas Ayu sambil tergelak kecil. Sebenarnya cuba untuk menyembunyikan kegusaran hatinya. Sabar Ayu..tarik nafas dalam-dalam.. dan hembuskan...

Setelah memesan beberapa jenis makanan mereka terus berbual panjang. Maklumlah sudah hampir dua minggu tak jumpa. *Call* pun tak. Ha inilah waktunya untuk melepaskan rindu resah yang sudah bermukim di dalam hati masing-masing. Hmm masing-masing?

Aril rindu ke dekat Ayu atau...

“Jemputlah makan Ayu, Aril..ha Aril dah dua minggu tidak timbul-timbul Aril pergi mana?” soal Hajah Napisah kepada Aril setelah selesai meletakkan makanan yang dipesan oleh Aril dan Ayu.

“Tidak pergi mana-mana Kak Jah...cuma sibuk sikit. Tidak ada masa nak singgah sini. Ni barulah kurang sikit kerja kak” balas Aril membela diri sambil matanya sesekali menatap wajah manis di hadapannya.

“Ha! Sibuk kerja ke sibuk berkepit dengan perempuan lain..” sempat hati kecil Ayu berbisik. “eloklah tu ada juga teman si Ayu ni ha.. dua minggu ni Kak Jah tengok asyik makan dengan Midah dan Aisyah saja.. kesian pulak Kak Jah tengok muka Ayu ni...asyik ingat buah hati je waktu

makan” panjang lebar Hajah Napisah menceritakan babak lakonan Ayu ketika ketiadaan Aril di sampingnya.

“Macam-macam lah Kak Jah ni..mana ada...,” tersekat-sekat suara Ayu ketika menidakkan penerangan panjang lebar dari Hajah Napisah. Malu lah tu...

“Alamak..Kak Jah ni kacau daunlah pulak.. panjang cerita kita ya.. mengamuklah nanti pelanggan Kak Jah tu ha...kalau macam tu Kak Jah pergi dululah..elok-elok makan tu.. awas tercekik!,” sempat lagi Hajah Napisah meninggalkan sindiran nipis sebelum berlalu meninggalkan pasangan kekasih yang entah bila hendak kahwinnya. Bertunang bukan main lama.

“Ha Ayu..apa yang Ayu nak bincangkan ni. Ada masalah ke?,” soal Aril setelah menyudahkan suapannya yang ketiga.

“Tidak adalah penting sangat. Tapi *important...*,” aik penting dan *important* tak sama ke..ah hentam sajalah.

“Sebenarnya macam ni.. Ayu tak nak besarkan perkara yang kecil. Ayu pun bukan juga nak cemburu membabi buta...”

“Sebenarnya Ayu nak tanya siapa dengan Aril keluar hari tu..siap berkepit-kepit macam tak ingat dunia” suara Ayu semakin mengendur dan cuba beranikan diri untuk menikam anak mata Aril dengan setajam panahan mata kecil yang menyepet itu.

“Perempuan mana pulak ni...Ayu salah orang tak?,” soal Aril kembali. Dah habis modal lah tu. Sampai tak tau nak cakap apa.

Hai kita tanya dia, dia tanya kita balik. Siapa yang nak jawab dulu ni.

“Er..er..sebenarnya itu....,” Aril tidak menghabiskan ayatnya sebaliknya menghirup *orange juicenya* yang masih bersisa. Sebenarnya

dia sedikit terkejut bila melihat wajah Ayu yang semakin kelat. Kalau dapat dimakan tentu macam pisang mentah! Tapi sebenarnya wajah di depannya itu tetap tenang saja. Mungkin perasaannya saja kut...

“Itu sepupu Aril yang baru balik *overseas*... dia ajak Aril untuk temankan dia membeli-belah.”

Aril cuba menyejukkan hati tunangnya yang mungkin sedang ingin meledakkan lahar api amarah hatinya. Meskipun wajah itu sebenarnya sering kelihatan tenang sahaja. Ya lah. jangan sangka yang tenang itu tidak akan berkocak.

“Tapi takkan sampai siap berpegangan tangan. Sepupu awak tu baru masuk usia lima tahun ke. Ya lah baru balik *overseas* takut tersesat pulak ya,” suara Ayu masih lembut seayu orangnya. Wajahnya juga masih tenang seperti biasa tapi...setiap ayat yang terpacul keluar dari bibir munggilnya bukan main pedas.. kalau kena mata tentu buta!

Aril yang sedang menyudahkan suapan yang terakhir hampir tersedak mendengar ayat-ayat yang terasa amat keramat ditelinganya. Cepat-cepat dia menghabiskan *orange juice* yang sedikit manis itu semanis wajah tunang tercinta yang duduk di hadapannya. Cinta ke? Aril sudah arif dengan fiil tunangnya itu hanya ayat-ayat yang dipertuturkan saja dia boleh membezakan sama ada Ayu tengah marah atau tidak. Selebihnya memang tidak boleh bertindak memberikan amaran. Wajahnya yang selamba dan bersahaja memang sukar ditafsirkan. Kalau marah berapi-api pun riak di wajahnya tidak berubah sedikitpun. Untunglah aku... walaupun hampir seratus pelanggan yang silih berganti keluar masuk di restoran ini. seorang pun tidak mengendahkan pertarungan bicara antara kami berdua. Bertuah badan..sempat Aril berceloteh pendek di dalam hatinya.

“Ha kenapa diam..kalau Aril dah tak sayang dengan hubungan kita. Ayu tak boleh buat apa. Ayu serahkan saja kepada Aril untuk buat keputusan. Segala surat-menyurat tidak diterima jauh sekali bunga-bunga semahal harga sebuah banglo pun akan *direject!*,” sekali lagi Ayu

menghumbankan sebaris ayat yang menikam jiwa Aril. Kalau kena lagi sekali alamatnya matilah aku dekat restoran ‘Hajah Napisah dan anak-anak’. Tak sempat kahwin aku dibuat Ayu ni. jangan kan Ayu aku tak dapat Wena pun aku tak dapat sekali. Alahai rugi aku!. ujar Aril di dalam hati sambil meleretkan senyumnya. Sah macam kera sumbang!

Ayu yang sudah tidak dapat menahan marahnya terus berlalu meninggalkan Aril termangu-mangu dan terus menghadap kaunter untuk melunaskan bayarannya. Tengok..nak bayar bil pun beratur macam nak order makan gamatnya. nasib tak sampai berbaris keluar restoran kalau tak aku dah pecut ni. Alamak nak pecut? Maksudnya tak payah bayar? Er... tak larat lah aku. dah lah nanti tunang tak dapat nanti tak pasal-pasal pulak aku berumah dalam penjara. eysh....taubat-taubat! *control* sikit marah tu Ayu. Nanti qada ya...akhirnya Ayu tersenyum sendiri meskipun sekelumit rasa kecewa masih bergayut di jiwa.

Setelah selesai melunaskan bayaran Ayu bergegas keluar dari restoran tersebut sebelum sempat dikejar oleh Aril yang masih ketinggalan dalam barisan yang kelima daripada belakang Ayu sebentar tadi. Ha tak pasal-pasalnya aku main kejar-kejar dengan monyet kesayangan aku tu. Alahai Ayu..tak baik tau kutuk tunang sendiri. Yalah dikutuk! tak kan disanjung-sanjung, puji-puji pulak perangai buruk macam tu. Ayu berperang dengan perasaannya sendiri solah-olah sedang berdebat dengan seseorang.

Ayu yang sempat melarikan diri dari Aril terus memecut keretanya kembali pulang ke pejabat untuk menyiapkan sedikit lagi kerja yang tertunggak. Setibanya melangkah masuk ke ruangan pejabat telefon bimbitnya bersuara nyaring menunjukkan ada mesej masuk. Ayu yang sebenarnya sedikit terkejut terus membelek beg kecilnya dan mengeluarkan telefon bimbitnya untuk membaca mesej yang tidak diketahui daripada siapa. Tapi setelah membuka peti mesej tahulah sudah dirinya. Mesej itu dari tunangnya Aril. Yalah surat-surat menyurat tak diterima tapi mesej tetap terima. Lupa pulak nak pesan tadi.

Ayu..Aril minta maaf... dia tu benar-benar sepupu Aril. Semua tu salah faham saia. Dia aja yang menggedek! Nanti malam Aril jemput ya.

Kita keluar. O.k bye sayang *I love you*.

Setelah membaca mesej dari tunangnya itu hati Ayu sedikit sejuk. Sedikit saja belum sejuk seluruhnya. Apa pun yang terjadi Ayu perlu bergegas masuk ke biliknya nanti kerja tak siap adalah mulut yang bising memebel. Maklumlah projek besar. Kalau tak siap mahu mampus nanti. Ayu tersenyum simpul ketika melintas di hadapan rakan-rakan yang lain sebelum masuk ke perut bilik ayahnya. Midah dan Aisyah pula sempat berpandangan antara satu sama lain sebelum meneruskan kembali kerja yang bersisa. Mereka sedikit pelik melihat senyuman Ayu tapi malas hendak menegur kalau tak tentu pen yang di tangan berlimpang malas di atas kertas-kertas kerja kalau dilayan sangat untuk berbual. Bukan berbual pendek tapi panjang berjela-jela. Sudahnya nanti kerja juga yang tak siap.

Jam menunjukkan pukul 5 petang, Waktu pejabat pun berakhir dan masing-masing sibuk mengemas barang lalu beransur-ansur para pekerja meninggalkan pekarangan pejabat kecuali beberapa orang sekuriti. Ada yang balik menggunakan bas. Ada juga yang menggunakan taxi. Tidak kurang juga yang balik diambil suami bagi perempuan yang sudah berkahwin dan ada pula segelintir pekerja yang berjalan kaki. Maklumlah ada yang tinggal menetap tidak jauh dari pejabat. Ayu juga seperti pekerja-pekerja yang lain terus pergi ke tempat letak kereta. Dia memegang segugus anak kunci dan apabila dia sudah pasti anak kunci kereta yang dipegangnya terus dia memasukkan kepada lubang kecil di tepi tingkap pintu kereta. Apapun dia mesti segera meninggalkan pejabat dan terus pulang kerumah kerana mengingatkan dia ada temu janji dengan tunang kesayangannya Aril. Sepanjang pemanduannya sekali lagi dia diusik untuk memikirkan hubungannya dengan Aril. Apakah malam ini semuanya akan kembali seperti sedia kala atau malam ini kali terakhir Ayu menjadi tunang Aril. Entah Ayu sendiri tidak dapat mengesahkan. Biarlah malam nanti yang menjadi penentu bagi hubungan Ayu dengan Aril. Pastinya tidak lama lagi malam akan berlabuh dan kegelapan pula akan datang melamar.

Setelah sampai di pekarangan rumah Ayu bergegas masuk ke dalam rumah. Dalam fikirannya hanya ada makan, mandi, solat dan terus bersiap untuk bertemu dengan Aril. Yang lain-lain sudah tidak ada dalam kotak fikirannya, biarlah apa pun yang terjadi Ayu tidak peduli dan tidak akan ambil peduli. Setelah selesai mengisi perut dengan masakan lazat ibunya iaitu sayur kangkung goreng ditumis dengan sedikit belacan, ikan patin masak merah serta sedikit ikan gulama masak tempoyak. Ayu memang keberatan untuk meninggalkan masakan lazat ibunya tetapi Ayu teringat lagi temu janjinya dengan Aril, Ayu hanya makan sedikit saja. Kalau nanti sama Aril dia tidak punya selera dia akan mengisi tong perutnya yang kecil dengan masakan ibunya yang ditinggalkan. Biar ibu tahu masakkan ibu malam itu sungguh menyelerakan. Hmm meyelerakan atau saja nak buang stress? Entah...tak pasti. sempat Ayu menjungkitkan bahunya sebelum keluar dari dapur.

“Hai cepat Ayu makan..tak larat nak makan ke diet?,” soal Hj. Kasim apabila melihat Ayu keluar dari dapur tidak sampai lima minit. Selalunya lima puluh minit pun dia tahan duduk dekat dapur.

“Bukan tak larat abah..Ayu nak keluar dengan Aril kejap lagi nanti tak muat pula perut ni ha..,” balas Ayu sambil mengusap lembut perut kempisnya. Hairan, makan bukan main berlambak-lambak tapi badan *maintain* kecil saja. Makan nasi ke makan hati?

“Oh. Patutlah...kalau macam tu pergilah naik cepat. Jangan lama-lama bersiap nanti lama pula Aril tunggu,” sempat Hj. Kasim berpesan pada anak tunggalnya.

Ayu terus menapak satu persatu anak tangga hingga sampai ke tingkat atas dan terus menuju ke dalam biliknya. Sesekali kedengaran orang tuanya berbual di tingkat bawah. Tentu ibunya baru selesai solat. Tadi ketika keluar dari dapur tak nampak pun batang hidungnya. Ayu yang kelihatan semacam keletihan berjalan sedikit longlai dan menuju ke kamar mandi untuk menyegarkan kembali tubuh yang nampak sedikit lesu. Sambil mandi sempat pula Ayu bernyanyi kecil. Haa belum lagi ambil uji bakat memasak. Ni nak masuk uji bakat menyanyi lah pulak.

Tapi tak pasti pulak dia nyanyi apa dan untuk apa. Apakah untuk menghiburkan hati atau...

Tiba-tiba pintu bilik Ayu diketuk kejam. Ayu yang cepat mendengar terus berucap. “Ya..kenapa? Ayu tengah mandi ni ha!” sedikit terjerit suara Ayu apabila merasakan air pancut lebih bersuara nyaring.

“Ni ha...Aril dah tunggu kat bawah..cepat lah bersiap tu. Tak baik buat orang tunggu-tunggu,” suara Hjh. Fatimah kedengaran sayup-sayup ditelan suara air pancut yang seakan-akan sengaja berteriak nyaring.

Seolah-olah ingin menyatakan bahawa dia tengah memandikan tuannya. Namun pun begitu suara Hjh. Fatimah sampai kependengaran Ayu. Ayu terus mematikan air pancut dan bergegas keluar untuk bersiap. Sebelum itu terlebih dahulu dilunaskan satu tanggungjawab yang wajib. Setelah selesai solat asar dan berdoa, Ayu bingkas dari sejadahnya dan meluru ke tempat almari bajunya. Ayu tidak mengambil masa yang terlalu lama untuk memilih baju yang sesuai. Cukup sekadar mengenakan blaus merah jambu panjang hingga ke buku lali dan berlengan panjang. Bibir tipisnya pula tiba-tiba melukiskan sebuah senyuman bila mengingatkan itulah baju hadiah ulang tahun yang ke-23 dari tunangnya Aril baru-baru ini. Setelah mengenakan sehelai tudung yang selari dengan warna blausnya dan mengenakan sedikit solekan tipis. Ayu berdiri mahu keluar dari kamar tidurnya. Pasti ingin cepat keluar berhadapan dengan tunangnya Aril. Tapi sebelum membuka tombol pintu. Ayu terpancang sebuah Al-Qur’an yang sering dibacanya di satu sudut tempatnya bersembahyang. Apakah malam ini Al-Qur’an itu akan menemani malamnya? Apakah Al-Qur’an itu akan meredakan resahnya seandainya ini malam terakhir dengan Aril. Entah...hati Ayu tiba-tiba sayu namun dikuatkan hatinya untuk keluar bertemu Aril. Mungkin sudah sebalai air liur Aril tumpah untuk berbual dengan orang tuanya. Hmm campur air liur orang tuanya cukup tiga baldi! Buat simbah api tentu boleh padam.

“Wah cantik Ayu malam ni,” puji Aril sejezus melihat Ayu yang telah tiba sampai ke ruangan tamu. Entah puji ikhlas ke puji saja-saja tu. Maklum lah depan bakal mertua. Aik bakal..entah jadi entah tidak.

“Banyaklah Aril punya cantik. Jomlah kita keluar nanti lewat pulak baliknya. Tak pasal-pasal mak dan abah susah payah nak hubungi pihak polis buat laporan. Anak gadisnya diculik tunang sendiri,” berjela-jela Ayu berhujah sambil memandang kedua orang tuanya yang juga turut sama memandang keatasnya dengan secalit senyuman mesra.

“Alahai Ayu... mak tak kisah pun. Kalau Aril culik pun tak pe. Boleh kahwin cepat kan bang” Hjh. Fatimah membalas omelan Ayu sambil menepuk lembut paha suaminya yang dilapiki dengan kain pelikat.

“Ha ah dapat cucu pun cepat!” seloroh Hj. Kasim pula membuatkan Ayu membesarkan matanya. tanda proteslah tu.

“Er..kalau macam tu kami pergi dulu lah,” Aril mengambil kesempatan bersuara untuk meminta diri. Kalau dibiarkan sampai tak jadi keluar jawabnya.

Setelah mencium tangan Hj. Kasim dan isterinya Hjh. Fatimah kedua pasangan itu pun melangkah keluar dan masuk ke perut kereta Aril. Cadang Aril malam itu mahu membawa Ayu jauh dari pandangan orang ramai. Dia tahu malam ini mungkin malam berduka buat Ayu. Meskipun sukar untuk membuat keputusan tapi dia sedar kalau pun diteruskan hubungan itu tak kan lari kemana. Awal dan akhir pastinya akan terlerai jua. Bukan Aril tidak sayang dengan hubungan itu. Malah Aril juga cukup sedih untuk menyuarakannya. Bukan tidak cinta pada Ayu tapi dia terlalu mencintai tunangnya itu lebih dari segalanya. Lagipun ikatan pertunangan itu adalah daripada dua hati yang sarat dengan cinta. Tapi malam ini semuanya akan berakhir. Entah bagaimana Ayu esok. Bagaimana dirinya. Dia sendiri belum dapat memastikan. Kerana esok belum menampakkan sinarnya.

Memang malam itu sepanjang perjalanan menuju ke destinasi yang dituju merpati dua sejoli itu tidak banyak berbual. Mungkin masing-masing mahu melayan perasaan. Ayu dengan sejuta macam soalan. Manakala Aril mencari sejuta cara yang terbaik untuk meleraikan ikatan pertunangan yang sudah terjalin hampir tiga tahun itu. Bukannya satu

jangka waktu yang singkat. Terlalu banyak kenangan yang terlukis. Berbagai macam bentuk rupa kenangan yang telah disulam. Baik yang manis mahupun sebaliknya. Sungguh sebak rasa hati. Tapi untuk satu permintaan yang tidak dapat ditolak. Aril terpaksa jua. Aril sendiri tidak akan menyatakan sebab sebenar kenapa pertunangan ini harus diakhiri. Biarlah Ayu terkapai-kapai mencari jawapannya. Bukan hendak bertindak kejam tapi sekadar ingin menjaga hati Ayu dan tidak mahu Ayu merasa terluka. Aril juga semacam rasa tersepit kerana menghormati keputusan orang disayang perasaan orang dicinta terpaksa digores. Inikah namanya dugaan. Pasrahkan saja kepada Tuhan yang menentukan. Tapi dapatkan Ayu menerima keputusan ini. Keputusan yang mungkin tidak pernah dirangka dalam benaknya.

Entah...ku harap semuanya akan disambut Ayu dengan tabah. Semoga...sempat Aril berdoa sebelum keluar dari keretanya.

“Ayu...jom kita makan. Lepas tu kita pergi taman kat hujung tu. Tengok bintang berkelipan di dada langit. Ayu suka bintang kan?,” soal Aril seolah menyoal seorang budak kecil berusia empat tahun. Sebenarnya sebak di dada yang cuba ditahan tiada yang tahu. Mungkin inilah malam terakhir bersama Ayu kerna tidak lama lagi dia akan bertunang dengan orang lain pula. Ya bertunang...

Ayu pula seakan budak kecil mengganggu kepala perlahan seolah termakan pujuk seorang ayah. Ayu sebenarnya dipalit rasa hairan. Kenapa ganjil perilaku Aril. Kenapa semacam terlalu memanjakan dirinya. Kenapa begitu sayu pandangannya dan mengapa terlalu dingin tangan Aril yang memegang kejam tangan kecilnya. Terlalu banyak pertanyaan mengapa berlayar di kolam fikiran Ayu. Mungkin di taman hujung sana bakal menjawab segala soalan mengapa Ayu. Mungkin... hati Ayu seakan berharap.

Menghadap hidangan ala-ala Turki pilihan kegemaran Aril itu seolah berada di dalam gua yang penuh dengan kesepian. Cuma terdengar gesekan violin yang dimainkan oleh seorang pemain viola yang cantik jelita. Manis orangnya dan sepet matanya persis mata Ayu. Tapi bunyi

gesekan viola itu seakan bunyi burung merbuk yang bernyanyi nun jauh di dalam hutan. Masing-masing Aril dan Ayu tidak banyak bicara sesekali sama-sama menikam anak mata seolah-olah memberi kekuatan untuk bertahan diam di dalam gua yang penuh dengan kebisuan dan kegelapan itu. Jadah apakah renungan itu seolah renungan itu sampai menikam dinding hati yang seakan roboh ini. Memang hati Ayu ketika itu seakan lemah kerna terlalu lemas untuk terus duduk di hadapan Aril. Ayu yang sudah tidak tahan dengan renungan berbisa itu lantas bangun dan meninggalkan Aril sendirian. Ayu mengatur langkah ke hujung taman seolah mahu mendengar suara Aril yang semenjak tadi membisu. Aril pula segera melunaskan bayaran dan bergegas mendekati Ayu yang sudah duduk menyandarkan tubuhnya pada kerusi panjang dekat dengan pasu bunga orkid yang besar itu. Kalau Ayu bersembunyi di balik pasu itu memang langsung tidak boleh dikesan. Kerana pasu itu tersangat sangat besar bunganya juga cantik secantik Ayu. Ah lantak lah dengan pasu dan bunga-bunganya sekali yang penting hati Ayu. Tapi akan kah kuat hati Ayu mendengar keputusan ini. . .

“Ayu...” lembut suara Aril masuk menyeludup ke kuping Ayu dan Ayu seakan terpesona dengan suara itu terus memandang wajah orang yang menyebut namanya dengan selembut suara itu. Dan bila anak matanya meratah wajah putih bersih milik Aril seakan ada rasa sebak mengitari hati perempuannya. Apakah semua ini. Ayu kurang pasti.

“Ada benda yang Aril nak Ayu tahu...” Aril terus bersuara bila melihat Ayu seakan ternganga.

“Debuk!” se pantas kilat dirasakan Ayu seolah ada beban batu berat menghempap hatinya. Dan jantungnya tiba-tiba dipalu dengan serancak debaran. Seolah mengerti apa maksud bicara Aril. Seolah tahu apa yang hendak disampaikan oleh Aril. Tapi mengapa mesti hari ini. saat diri ini masih perlu akan kasih sayang dari seorang tunang yang dicintai sepenuh hati. Tapi tunggu dulu. Mungkin ada perkara lain yang hendak disampaikannya. Jangan cepat membuat spekulasi. Ayu membentangkan kekuatan buat sekecil hatinya. Memberi sedikit ruang buatnya bernafas lega.

“Aril pertama sekali nak minta maaf.. tak kira lah secara sengaja mahupun sebaliknya. Dari hujung rambut sampai hujung kaki. Aril benar-benar minta maaf. Aril harap Ayu tidak simpan dalam hati,” Aril memulakan ucapannya dengan memohon kemaafan namun jauh disudut hati masih ada rasa gusar yang mengganggu gugat kedamaian jiwanya.

“Tak apa lah Aril. Ayu maafkan. Ayu tak pernah simpan dalam hati pun. Sepatutnya Ayu lah yang harus memohon maaf kalau Aril merasa bersalah pasal petang tadi. Maaf kalau Ayu mencurigai kesetiaan Aril,” balas Ayu sambil menikam anak mata Aril dengan segenap pandangan yang dirasakan semakin sayu. Perasaan apakah ini. Mengapa aku pula yang nak minta maaf sedangkan aku belum dapat kepastian tentang hubungannya dengan perempuan yang mak jumpa semalam. Apakah aku akan selalu sedia memaafkan kesilapan Aril hanya kerana sekeping cinta. Mengapa aku lemah kerana cinta padanya... Ayu sedar kerunsingan semakin berani menular untuk melumpuhkan akal fikirannya.

“Tak..tak Ayu tak pernah buat salah pun. Ayu memang wanita yang terpilih untuk mengisi ruang hati Aril. Ayu sudah menepati 99% ciri-ciri wanita pilihan Aril. Tinggal 1% lagi kerna Ayu belum kahwin dengan Aril,” Aril pula menumpahkan seteguh keyakinan buat Ayu agar tidak melihat dirinya rendah untuk berdiri di mata Aril.

Ayu yang mendengar pengakuan Aril terlopong seketika. Apakah malam ini Aril akan melamarnya untuk menjadikan suri hidupnya. Tapi kenapa mesti meminta maaf. Kenapa tidak melamarnya sebelum keluar makan. Kan bagus depan mak dan abah. Kenapa mesti di sini di tempat tidak ramai orang yang mendengar berita yang boleh menggembirakan hatinya. Apakah Aril melihat tempat ini sebuah tempat yang paling romantis untuk melamarnya menjadi seorang isteri. Kalau dilihat tempat ini dengan bersungguh-sungguh tempat ini bukan sesuai untuk dijadikan saksi ketika sesi pelamaran berlaku tapi tempat ini lebih sesuai untuk orang-orang yang putus cinta. Kan tak ramai orang jadi boleh lah nangis sepuas-puasnya. Hah!!! Putus? Apakah Aril hendak memutuskan hubungan ini. apakah aku yang akan menangis? Tidak ..dan tiba-tiba

kolam mata Ayu terasa seakan mahu pecah. Tahan dan tahan... namun gagal mutiara jernih yang tadinya cuma bermain di tubir mata kini sudah mengalir hangat dan turun membasahi pipi. Memang benar dia yang akan menangis dan telah pun menangis.

Aril yang sedari tadi bisu kini membuat mimik muka terkejut apa tidaknya belum lagi diberitahu hal yang sebenar Ayu sudah menangis sedih. Apakah Ayu sudah dapat menebak apa yang ada dikamar hati ini. Apakah dia tidak bersedia. Mana nak sedia..dalam keadaan yang mengejut seperti ini. Kalau aku pun. Aku terkejut tak pun lenyap terus! Tapi ini benar-benar pelik. Aku belum beritahu lagi tapi dia sudah awal menangis. Aku tahu ini bukan tangisan minta simpati tapi yang sedang aku lihat ini adalah air mata sedih. Ayu maafkan Aril. Aril terpaksa...

Malam ini adalah malam bisu sedunia bagi mereka berdua. Seolah mereka sedang berbicara melalui hati. Tidak pernah mereka melalui malam yang paling sepi itu berdua. Tapi melihat Ayu yang semakin asyik melayan tangisnya membuatkan Aril serba tidak kena. Rasa bersalah yang paling banyak bersarang di dalam hatinya tapi dia tidak mampu berbuat apa-apa. Dia juga turut merasa sebak melihat sejernih air mata Ayu yang menitis ke pipi. Aril menyapu air mata yang bergayut di tubir mata sepet Ayu dengan jari nya. Dilurutnya dengan lembut seraya berkata.

“Ayu maafkan Aril... Aril memang cintakan Ayu tapi Aril terpaksa buat satu keputusan bahawa hubungan kita tidak dapat diteruskan lagi”

Hancur luluh hati Ayu mendengar penjelasan tergempar Aril. Sah dia tidak salah dengar. Jaraknya dengan Aril bukan lima puluh batu tetapi terlalu dekat tak sampai pun lima inci. Memang Aril yang mengucapkannya. Bukan orang lain. Bukan jua khayalannya. Ayu tidak lagi mampu menyembunyikan tangisannya. Tangisan ini bukan tangisan meminta simpati tapi ini tangisan sebuah kesedihan yang teramat sangat. Sedih dan tersangat sedih. Tidak disangka sama sekali kehilangan Aril selama dua minggu dan bertemu kembali pada petang tadi akan berakhir dengan babak setragis ini. Air mata kesedihan pun turun laju bercucuran ke pipi dan Aril yang terasa lemah melihat keadaan Ayu turut menitiskan

air mata lelakinya. Akhirnya egonya sebagai seorang lelaki tumbang di depan perempuan yang teramat dicintainya. Perempuan itu adalah tunangnya sendiri. Ooopz...tidak lagi tapi cuma bekas tunang sahaja. Tidak lebih dan tidak akan pernah lebih dari itu. Tapi hati mana yang tidak hancur bila keputusan terpaksa dibuat tanpa persetujuan rasmi darinya apatah lagi hati Ayu tentu hancur lumat seperti daging cincang. Aril sendiri sedar dia telah melukakan hati perempuan yang dicintainya tapi terlajak kata tidak boleh diundur melainkan mengharap agar Ayu dapat menelan sepahit kenyataan itu. Aril hanya mampu mendoakan kebahagiaan Ayu. Aril pasti perempuan sebaik dan secantik Ayu ini tetap ramai jejak lain yang berkehendak. Meskipun berat rasa hati bukan saja berat malahan tidak hendak untuk melepaskan Ayu tetapi Aril terpaksa. Terpaksa...

“Ayu..kini antara kita sudah tidak ada apa-apa lagi. Tapi saya harap kita masih dapat saling berkawan. Kalau boleh tidak ada benci antara kita. Sekali lagi saya ingin memohon maaf. Tapi kalau Ayu tidak dapat maafkan. Saya redha..kerana saya yang membuat keputusan ini. saya akan terima segalanya,” hilang sudah nama Aril cuma digantikan dengan saya. Memang terlalu formal seperti bicara dengan seorang kawan baru lagaknya.

Ayu masih diam tetap tidak bersuara walau sepetah pun. Ayu tidak tahu hendak bercakap apa. Seolah-seolah Ayu seorang pesalah yang malu untuk mengakui kesalahannya. Ayu bingung. Ayu sedih. Ayu pilu. Semua macam perisa yang Ayu rasakan malam itu. Apa yang penting Ayu tidak akan bersuara untuk merayu dan Ayu seakan tidak percaya orang yang duduk dihadapannya itu adalah Aril, tunangnya. Tidak..bukan tunang tapi bekas tunang. Ah kalau boleh rasanya hendak diputar kembali waktu yang telah berlalu ini. Sepatutnya dia tidak mahu berjumpa dengan Aril malam ini. Biarlah berjumpa pada hari lain biar sampai Ayu bersedia untuk mendengar keputusan muktamad meskipun sebenarnya Ayu tidak pernah akan bersedia. Ataukah sebenarnya kalau malam ini mereka tidak berjumpa, Aril tidak akan memutuskan hubungan ini. apakah Aril benar-benar terasa hati. Sungguh beratkah kesalahan yang Ayu lakukan sampai kan Aril membuat keputusan diluar jangkaan ini. Sama sekali Ayu tidak

pernah terfikir sejauh ini. Tidak pernah. Mungkin Ayu terlalu memberikan kepercayaan terhadap kesetiaan Aril yang tidak pernah teruji sedangkan hakikat sebenarnya Aril kini sedang mempersembahkan dirinya dengan secetik-cetik kesetiaan. Ah! Betapa sukar hendak dipercayai bahawa malam ini akan tinggal sebagai sejarah buat Ayu dan Aril. Malam 6 April 2007.

Sesungguhnya Ayu hanya mampu menangisi nasibnya. Menangis dan terus menangis dia tidak mahu nanti kepulangannya akan disambut dengan sejuta macam soalan yang tidak mampu untuk Ayu jawab. Ayu menghabiskan malamnya dengan air mata. Mungkin inilah pertama dan terakhir kalinya Ayu menangis di depan Aril. Mungkin! Kerna selepas ini entah bila hendak berjumpa lagi. Entah siapa pula akan berdiri menggantikan tempatnya nanti. Bukan saja di mata Aril malahan juga dihatinya. Apakah Ayu akan tersingkir habis dari hidup Aril seperti keluarnya pelajar Akedemi Fantasia. Atau mungkinkah Ayu berpeluang akan memiliki Aril kembali seandainya Ayu mampu meraih semula cinta Aril dan menjadi juara dihatinya seperti Mawi yang diserap masuk kembali ke dalam konsert Akedemi Fantasia yang akhirnya membawa kejuaraan buatnya. Mungkinkah Ayu kan seperti Mawi. Ya Allah berikan lah aku kekuatan-Mu sesungguhnya Kau jua yang Maha Mengetahui akan apa yang terjadi ini. Ayu berdoa di dalam hati bersama linangan air mata yang bisu sama bisu sepertinya kerna yang mampu bercakap ketika itu hanya hatinya. Ah sakit benar perasaan ini tiada mampu diucap dengan lidah. Apatah lagi bila mengenangkan banyak waktu yang telah diisikan bersama Aril. Esok akan adakah hari-hari yang pernah dilalui itu. Mungkin dengan lelaki lain? Ah tidak mungkin. Aku bukan perempuan yang sesuka hati menukar cinta. Cinta bukan plaster pembalut luka. Mula-mula pakai satu. Lepas itu pakai satu lagi kerna luka lama belum berhenti. Ah tidak!!! Aku benar-benar menyayangi lelaki di samping ku ini. Aku yakin ini bukan perasaanku semata-mata.

“Ayu...” setelah lama membiarkan Ayu melayan perasaan sedihnya Aril bersuara memanggil sayu nama seorang perempuan yang amat dicintainya.

“Lepas ni..lepas apa yang terjadi ini Ayu janganlah buat perkara yarug tidak senonoh jangan buat perkara bodoh yang boleh membinasakan cita-cita Ayu. Masa masih terlalu panjang. Kalau ada jodoh yang kuat mungkin kita akan bersama kembali,” Aril seakan menebarkan sebuah harapan yang belum pasti lagi.

Dan Ayu pula masih tertunduk lesu tidak mahu menatap wajah yang tampan itu. Itu bukan miliknya lagi. Itu mungkin akan jadi milik seorang wanita yang belum diketahui lagi. Tunggu saja biar masa yang menjawab segalanya. Seandainya benar Aril cinta akan dirinya tidak mungkin Aril memutuskan pertunangan ini. Tapi tidak apalah mungkin perpisahan ini sekadar untuk menguji kekuatan cintanya. Andai sebenarnya Aril cinta akan diri ini Aril tidak akan mencari pengganti dan melupakanku dengan secepatnya. Tapi bagaimana kalau Aril cari wanita lain sebagai cara untuk melupakan aku. Ah tidak sanggup rasanya membayangkan drama yang belum dipertontonkan itu. Seandainya benar. Maka hancur berkecailah hati ini hancur berderai jadi serpihan halus. Sakitnya nanti tidak tahu hendak dirawat dengan apa. Hendak cari ubat di mana. Apa yang penting dia cuma ada satu iaitu Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Mungkin selama ini cintanya terhadap Maha pencipta masih belum teguh sehingga dia diuji sebegini.

Ah biarlah esok yang menentukan segalanya. Biar esok yang menjawab segala kekusutan ini. Semoga perpisahan ini Aril akan bahagia dengan hidupnya. Biarlah Ayu tidak tahu akan sebab mengapa Aril tega untuk memutuskan hubungan ini. Biarlah perpisahan ini dilabelkan dengan perpisahan misteri. Biarpun ada ruang untuk bertanya Ayu tidak akan meringankan lidahnya yang tidak bertulang itu untuk membantu mulutnya supaya mengeluarkan suara dan bertanya akan apakah sebab musababnya. Biarlah... seandainya Aril bahagia dengan semua ini Ayu redha. Untuk kebahagiaan Aril apa salahnya berkorban. Bukankah cinta itu sering menagih pengorbanan? Meskipun pengorbanan itu sendiri membuatkan dia merasa bahawa dia adalah korban dalam sesuci percintaan itu dan yang pastinya pengorbanan itu tidak akan pernah mendatangkan sebuah makna andainya tidak pernah dihargai. Tahukah Aril untuk menghargai pengorbanan ini. Mungkin ya mungkin jua tidak.

Biarlah hari esok yang mendatang merungkai segalanya. Ayu tidak mampu untuk meneka kerana esok masih belum menampakkan sinarnya. Biarlah esok yang menjawab segala persoalan itu dan apa yang penting seandainya Aril akan berkahwin dengan orang lain dalam masa yang terdekat ini Ayu berjanji dengan dirinya sendiri tidak akan menghadiri majlis yang penuh keramat itu. Tidak akan Ayu hadiri selagi cinta masih untuk seorang lelaki yang bernama Aril itu. Cuma sekalung doa Ayu kirimkan semoga perkahwinannya nanti itu akan kekal bahagia hingga ke akhir hayat. Ayu tidak menyalahkan Aril atas apa yang telah terjadi kerana Ayu redha dengan ketentuan Illahi. Mungkin jua Aril ada sebab yang tersendiri mengapa semua ini terjadi.

Aril tidak mampu untuk menyatakan kenyataan bahawa dia akan menjadi tunangan orang. Bukan orang sebenarnya, tetapi keluarganya sendiri iaitu Wena. Nurin Jalina Bte Hj. Marsud, iaitu anak bongsu kepada adik ibunya. Wena baru saja balik dari luar negara setelah dua tahun bertungkus lumus untuk mencapai cita-citanya di dalam bidang architecture. Aril memang rapat dengan sepupunya yang satu itu kerana Wena adalah satu-satunya sepupu perempuan Aril yang lain semuanya lelaki. Tapi tidak pula disangka bahawa Wena yang satu itu akan menjadi isterinya. Sehingga Aril benar-benar tidak sanggup untuk menyatakan kebenaran itu kepada Ayu. Tindakan memutuskan hubungan pertunangan itu sudah terlalu amat melukakan hati orang yang amat dicintainya apatah lagi kalau dia memberitahu Ayu bahawa dia akan dikahwinkan dengan orang lain. Orang yang tidak pernah dicintainya. Yang tidak pernah datang dalam mimpinya untuk dijadikan suri dalam hidupnya. Tapi yang paling tepat Aril sebenarnya malu untuk menyatakan kenyataan itu kerana itu menunjukkan bahawa dia adalah seorang lelaki yang tidak mempunyai pendirian hidup sendiri. Segala keputusan masih juga ditentukan oleh orang tua walaupun dia sudah layak untuk membentuk sendiri corak hidupnya. Tetapi Aril yakin sama ada awal atau akhir Ayu pasti akan tahu jua. Entah bagaimana rasa sakit hati Ayu yang terpaksa dirawat sendiri olehnya. Aril juga tidak tahu apa yang akan dijawab nanti bila Aril datang ke rumah Ayu untuk menyatakan hasrat untuk mengakhiri hubungannya

dengan Ayu. Aril tidak dapat membayangkannya kerana Aril tidak pernah merasakannya.

Sudah berkali-kali Aril membantah keputusan ibunya yang dianggapnya sudah keterlaluan benar itu. Sebab itulah dia tidak mahu berjumpa jauh sekali untuk menghubungi Ayu sejak dua minggu yang lalu. Bukan tidak mahu sebenarnya tapi dia tidak mahu Ayu dapat menghidu akan keremukan hati dan jiwanya. Hatinya benar-benar galau memikirkan hari perkahwinannya yang akan berlangsung kurang dari dua bulan ini. Ketika ibu Ayu melihat Aril keluar dengan Wena itupun adalah untuk membeli barang hantaran. Aril kini tidak mampu menghalang keputusan ibunya yang berkeras untuk mengkahwinkannya dengan Wena. Kalau boleh Aril tidak mahu kehilangan kedua-duanya. Dia masih mahu ibunya dan dalam masa yang sama dia juga mahu hidup bersama orang yang amat dicintainya iaitu Nur Arissa Ayuni. Tapi itu cuma kalau, kerana segalanya telah hancur di tangan ibunya. Hancur!

Apapun Aril tidak pula sanggup untuk menderhaka kepada ibunya. Dia tahu Ayu menderita tapi tanpa Ayu sedari Aril juga menanggung penderitaan yang teramat dalam. Tidak mampu dibayangkan hidupnya nanti bersama orang yang tidak pernah dicintainya itu. Namun Aril sudah tidak mampu untuk memikirkan sebarang jalan untuk membatalkan perkahwinannya. Mungkin jodohnya dengan Ayu. Cuma setakat tiga tahun sahaja. Tidak lebih dari itu. Walaupun terlalu sedih tetapi Aril terpaksa. Ya terpaksa itulah perkataan yang amat sesuai.

Cuma jauh di sudut hati Aril berharap agar nanti perkahwinan yang dirancang oleh orang tuanya itu biarlah sentiasa bahagia dan kekal hingga ke akhir hayat dan semoga Ayu yang amat dicintainya itu akan bertemu kebahagiaan dengan lelaki yang tahu mencintai dirinya. Aril juga sama seperti Ayu yang menyerahkan apa yang terjadi ini pada hari esok. Dia juga belum tahu apa yang terjadi pada esok hari kerana esok belum lagi menampakkannya.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 19 Oktober 2015

3ie



Oleh:
Maya Brunei

ROSMIE sudah hampir ke tahap berputus asa dan ingin menamatkan gaya hidupnya yang tidak punya erti apa-apa lagi kepada masyarakat dan kawan-kawan di sekelilingnya, apa pun yang dilakukannya tidak pernah menambat hati sesiapa yang melihatnya. Itulah nasib malang yang menimpa insan yang bernama Rosmie ini.

Rosmie sudah seratus peratus remaja dan perlu merasakan keremajaannya itu seiring dengan rempah-ratus cita rasa perasaannya. Keadaan di sekelilingnya amat mencabar alam remajanya lantaran kekurangan yang ada pada dirinya, dia tidak berupaya hendak menolak kekurangan sifatnya yang sejak lahir sudah macam itu.

Kedua-dua orang tua Rosmie memberikan nama kepadanya Rosli, tapi entah macam mana pula nama Rosmie itu melekat menjadi darah dagingnya hingga sekarang, mungkin nama Rosmie itu lebih sehati dalam dirinya yang semacam itu.

Rosmie sedar dirinya siapa dan kekurangannya apa, tapi dia mahu mempertahankan harga dirinya dan memberitahu kepada masyarakat sekelilingnya bahawa dia juga ingin dimanja, dibelai dan dikasihi sebagaimana rakan-rakannya yang seremaja dengannya.

Kerana itu Rosmie tidak bosan-bosannya mencari ketenangan biar di mana saja, di tepi pantai umpamanya bersama kawan-kawan yang senasib dan segaya dengannya, namun tidak seperti yang diharapkannya. Apa yang mereka perolehi cuma lirikan mata masyarakat yang sumbang dan sinis.

Rosmie bersantai di atas longgokan batu-batu besar di hujung pantai petang itu, sambil melihat pecahan ombak yang menghabiskan riwayatnya di dada batu-batu kaku membisu itu. Tiba-tiba Rosmie ternampak dirinya sendiri berada di celah-celah batu itu sedang terkapus-klus kelemasan akibat pukulan ombak yang juga seakan putus asa itu.

Rosmie menjerit sekuat-kuat hatinya, tanpa disedarinya dia sendiri yang tergolek di atas batu itu dan terjatuh ke dalam air lalu dipukul ombak yang garang itu. Rosmie sedaya upaya hendak menyelamatkan dirinya tapi dia sudah kehabisan tenaganya.

Di saat-saat cemas Rosmie bergelut dengan maut dan hampir tenggelam itu, muncul Marnie sempat menyelamatkan Rosmie daripada mati lemas. Marnie membawa Rosmie ke rumahnya yang pada awalnya hendak ke klinik, tapi Rosmie menolak kerana tidak ada apa-apa yang dibimbangkan. Itulah kali pertama Rosmie mendapat perhatian dan Rosmie terutang nyawa kepada Marnie.

Rosmie merasakan pendekatan dan kemesraan yang diberikan oleh Marnie yang punya sedikit ciri-ciri keibuan dalam kelembutannya itu, menjadikan Rosmie cepat sembuh dan bertenaga kembali, walaupun Marnie belum pernah menjadi ibu dan tidak akan menjadi ibu buat selama-lamanya.

Dengan adanya ciri-ciri keibuan dalam diri Marnie yang tujuh tahun lebih tua daripada Rosmie itu menyebabkan Rosmie menjadi manja dan bermanja kepada Marnie, bagi Marnie pula tidak membantah dan membiarkan saja Rosmie bermanja kepadanya.

Sejak Rosmie mendapat perhatian daripada Marnie, dia mula sedar rupa-rupanya masih ada orang yang mengambil berat tentang dirinya, tidak sebagaimana yang dianggapnya selama ini.

Semangat remaja Rosmie subur kembali, dia bukan lagi Rosli seperti dulu yang sering dicemuh dan disisihkan oleh rakan dan teman-temannya, tapi sekarang dia seakan Rosli yang sudah mati hidup kembali dengan semangat dan azam yang baharu.

Marnie banyak memberikan suntikan semangat dan contoh kepada Rosmie dan harus berani seperti tidak mempunyai apa-apa kekurangan, walaupun kekurangan itu jelas dilihat dan dipandang oleh siapa saja yang penting keinginan untuk hidup dalam jati diri yang tulen. Itu prinsip Rosmie sekarang.

Rosmie keluar seperti biasa menemui kawan-kawan seperti tidak ada apa-apa yang terjadi, di samping itu juga Rosmie berharap kawan-kawannya akan menunjukkan reaksi tentang ketiadaannya selama ini dan melupakan kekurangannya itu namun sebaliknya.

Apa yang terjadi Rosmie sama seperti dulu tidak diendahkan oleh kawan-kawannya dan masih juga disisihkan, tidak ada perubahan Rosmie di mata kawan-kawannya untuk dibanggakan, walaupun bagi Rosmie dia sudah menjadi Rosli yang sejati.

Apapun keadaannya Rosmie cuba melupakan semua itu, dan sekarang dia berusaha untuk mendekati temannya Asnie, kerana dalam diri temannya yang satu ini ada tanda-tanda simpati terhadapnya. Tapi malangnya Asnie telah terkorban ketika menyeberangi lampu isyarat di tengah-tengah bandar yang tidak sibuk.

Kawan-kawannya cuba menceritakan kepadanya apa sebenarnya yang berlaku kepada Asnie, tapi Rosmie tidak mengendahkannya. Rosmie berjalan terhuyung-hayang, tanpa disedarinya dia terjatuh ke dalam sebuah longkang. Rosmie cuba naik tapi badannya sudah longlai dua kali lipat macam sotong, Rosmie tidak dapat berbuat apa-apa cuma memejam-mejamkan matanya sambil melihat ke atas.

Rosmie membuka mata sebesar-besarnya dan memandang ke atas, sementara badannya dalam longkang itu masih tidak boleh bergerak, dia memerhatikan dengan pandangan yang begitu tajam kalau-kalau yang datang itu Asnie yang dicarinya selama ini, walaupun dia tahu Asnie sudah tidak ada lagi di dunia ini. Matanya tidak berkerdip memerhatikan wajah yang sedang memandangnya dari atas longkang itu.

Rosmie menjerit kerianan kerana yang dilihatnya itu betul-betul Asnie yang ditunggu-tunggunya. Rosmie cuba bangun untuk mendapatkan Asnie yang menghulurkan tangannya dari atas longkang itu, tapi tidak sempat kerana dia terperanjat oleh satu panggilan yang lebih kuat daripada jeritannya sendiri.

Rosmie kebingungan kerana panggilan itu datangnya dari Marnie yang menghulurkan tangannya untuk mengeluarkan Rosmie dari dalam longkang itu. Rosmie sekali lagi diselamatkan oleh Marnie.

Dalam perjalanan pulang Rosmie nampak sekujur badan Marnie itu tidak ada bezanya dengan potongan dan lenggang-lenggok Asnie. Rosmie baru sedar ketika dia berada di dalam longkang itu cuma igauan bertemu dengan Asnie.

Rosmie berhenti mencari hidupnya yang sebenar, dia juga seperti kawan-kawannya yang lain tidak kisah apa pun bentuk mahupun keadaan mereka. Sebaliknya mereka bersyukur dijadikan insan seperti sekarang ini, walaupun lembut tapi punya semangat yang kental dan keras.

Selang beberapa hari Rosmie dan Marnie bertemu dengan Asnie di Pasar Malam, Gadong. Mereka bertiga sama-sama terkejut dan pandang-memandang macam kena pukau, di luar sedar Rosmie memanggil Asnie dengan suara aslinya sambil hendak memulakan langkahnya untuk memeluk Asnie.

Marnie batuk-batuk kecil sebagai isyarat bahawa mereka sekarang adalah laki-laki tulen dan bukan laki-laki bayangan silam mereka. Spontan Rosmie menjadi laki-laki yang keras dan Asnie pula sempat bertanya kepada dirinya. Apakah yang di hadapannya itu Rosli ataupun Rosmie...? Apa pun namanya, namun orangnya tetap sama.

Asnie menceritakan kejadian yang menimpa dirinya itu, tapi tidaklah seteruk seperti yang diperkatakan hingga mengkhabarkan dia sudah mati. Dia dirawat di rumah sakit cuma seminggu kerana tangannya terseluh, kini Asnie sudah sihat seperti biasa.

Rosmie (ROSLI) ... Marnie (MASRI) dan Asnie (JASNI) bertekad tidak kira siapa diri mereka yang sebenarnya dan akan membina hidup diri mereka masing-masing sama seperti laki-laki keras yang lain.

Pada satu hari dan masa yang berikutnya Rosmie menunjukkan tempat pertemuan pertamanya dengan Marnie kepada Asnie ketika dia diselamatkan oleh Marnie. Tanpa disedari oleh Rosmie kakinya tersangkut batu dan nyaris terjatuh, mujurlah sempat dipegang oleh Asnie, jika tidak... Rosmie pasti akan jatuh buat kedua kalinya di tempat yang sama.

Rosmie pula sebelum sempat dipegang oleh Asnie, dia merasakan seperti berada di awang-awangan buat seketika Rosmie tidak sempat berbuat apa-apa selain daripada menjerit. Automatik suara asli Rosmie terkeluar.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 7 November 2015

Buah hati mama, Azwi Mutalib



Oleh:
Riani Rahman

“KRING! KRING!”

“ASSALAMU’ALAIKUM!” Kedengaran suara Bidan Hajah Siti sedang menerima panggilan telefon. “Wad bersalin...siapa? Hajah Liza Ali? Au ada kedua ni di katilnya...bah ok. Aku membaritau kedua.” Suara Bidan Hajah Siti semakin jelas di telinga Hajah Liza. Kebetulan kedudukan katilnya berdekatan dengan meja jururawat. Hatinya mula bergetar apabila namanya disebut.

“Kenapa *sister*?” Tanya Hajah Liza apabila dilihatnya bidan yang biasanya melemparkan senyuman tiba-tiba muram menuju katilnya.

“Anu lai... kau kana suruh ke wad kanak-kanak awal ani. Nya *nurse* di sana, ada doktor kan berbincang dengan kamu laki bini.” Jelasnya.

Hajah Liza terkejut. Tanpa berkata dia segera berjalan menuju wad Special Care Baby Unit (SCBU). Baru semalam dia melahirkan seorang anak damit laki-laki seberat 870 gram. Sekarang ditempatkan di wad khusus bersama dengan beberapa anak damit yang senasib dengannya.

Perasaan Hajah Liza berdebar-debar. Matanya liar mencari-cari. Ditelitinya setiap inkubator untuk memastikan yang mana buah hatinya itu, kerana dia hanya berkesempatan beberapa minit melihat anak damitnya. Kesihatan Hajah Liza sangat tidak mengizinkan apa lagi untuk bergerak dari katil. Tekanan darahnya juga amat mengkhawatirkan.

Satu demi satu inkubator didekatinya dari balik kaca. Hiba hati menatap setiap anak damit yang ada di situ. Tiba-tiba matanya terpandang pada inkubator yang tercatat “BABY OF HAJAH LIZA BINTI ALI”. Langkah kakinya terhenti. Dia segera menatap sambil menutup mulut dengan tangannya.

“Ya Allah, Engkau Maha Kaya, buah hati mama.” Bisiknya. Serentak itu juga, hati Hajah Liza sebak. Sangat kecil anak yang dilahirkan. Inkubator yang berukuran kira-kira dua kaki panjang itu nampak terlalu besar buatnya. “Ya Allah! sesungguhnya ani kah buah hatiku yang lahirkan kelmarin?” luah hati Hajah Liza. Titis air mata semakin bergengang di kelopak matanya.

Hajah Liza meneruskan langkahnya memasuki ruang dalam SCBU yang sepi itu. Matanya liar memandang sekeliling untuk mencari doktor yang ingin menemuinya. Sesungguhnya hati Hajah Liza sangat pilu. Jantungnya berdegup kencang.

Inkubator anak damitnya semakin didekatinya. Anak damitnya dibalut sehelai kain. Matanya tertutup rapat. Hajah Liza mengangkat permukaan kaca inkubator lalu menyentuh lengan buah hatinya yang hanya sebesar lilin. Hati perempuannya semakin terusik. Anak damitnya hanya besar tapak tangannya. Ya Allah...

Titisan air mata semakin deras mengalir dipipinya. Sesungguhnya besar kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, anak yang dikandungnya selama enam bulan kini sudah berada di depan mata. Dia akui, belum pernah melihat anak damit sekecil itu walaupun kakak keduanya pernah melahirkan anak perempuan pra matang seberat 1.8 kg.

Hajah Liza mengesat air mata di pipinya. “Assalamualaikum buah hati mama. Selamat lahir ke dunia. Ani mama lai.” Luah Hajah Liza sendu. Dia mengusap-usap lembut lengan si kecil. Tidak ada respon dari buah hatinya. Hajah Liza terus memerhatikan wajahnya. Masya Allah. Hajah Liza mula merasa sesuatu. Buah hatinya tidak bersuara walau kelihatan dia sedang menangis.

Fikiran Hajah Liza mula kacau. Matanya berkaca-kaca.

“Hajah Liza?” bahunya disentuh.

Dia mendongak ke arah pemilik suara itu. Seorang lelaki berbangsa India berdiri tepat di belakangnya. Dari pakaiannya Hajah Liza yakin dia lah doktor yang ingin bertemu dengannya. Dia menarik nafas dalam. Jauh di sudut hati berbagai persoalan hadir di benaknya.

“Ya dok...tor....*why you want to see me?*” suaranya tersekat-sekat. Riak cemas gagal disembunyikannya. Dia kurang pasti apakah doktor itu yang turut hadir semasa di bilik melahirkan semalam? Hajah Liza memberanikan menatap wajahnya. “Doktor Haji Salim?”, kata Hajah Liza apabila terpandang name tag yang ada dibajunya.

“*Yes im, I need to talk about your baby, I told your husband about him last night, your baby is premature, his lung is not yet complete but anyway I had given him a special treatment. Where is your husband? Is he around?*” Tanyanya apabila Hajah Liza tidak berkata apa-apa. Dia tidak dapat menjawab soalan doktor itu kerana dadanya seolah-olah dihimpit.

Kata-kata doktor itu seolah menghempap dadanya. Ternyata, ada sesuatu berlaku pada buah hatinya. Hajah Liza menyedari hakikat itu

namun, naluri keibuannya seolah-olah sukar mempercayainya. Melihat keadaan buah hatinya itu sesungguhnya hanya Allah Subhanahu Wata'ala yang tahu bagaimana perasaannya.

Beberapa hari lalu, Hajah Liza mula merasakan kelainan. Pergerakan baby dalam kandungannya semakin berkurangan. Tekanan darahnya pula semakin tinggi. Dia benar-benar risau. Masih terngiang-ngiang di telinganya ketika Doktor Susi memujuknya supaya segera melahirkan. Padahal ketika itu kandungannya baharu saja berusia enam bulan. Jika tidak segera dilahirkan akan berisiko tinggi kepada *baby* termasuk Hajah Liza sendiri.

Menurut doktor, risiko yang dilaluinya memang sangat tinggi. Namun itulah pilihan yang harus dilaluinya. Dia juga disaran agar melahirkan dengan cara normal tetapi harus *diinduce* berbanding dengan cara pembedahan. Ini kerana menurut doktor cara itu lebih baik dan memperbolehkan Hajah Liza mengandung lagi dalam tempoh yang cepat jika sekiranya anak damitnya gagal diselamatkan.

Hajah Liza bingung. Dia benar-benar buntu untuk membuat keputusan. Akhirnya dia bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan akur dengan keputusan Doktor Susi memandangkan usianya sudah hampir 30 tahun dan sangat berisiko tinggi untuk mengandung jika terpaksa menunggu 2 atau 3 tahun lagi.

“Hajah Liza, *are u ok?*” tiba-tiba suara Doktor Haji Salim menghentikan lamunannya. Dia cuma mengangguk lemah.

“Kajah...sabar..” Tiba-tiba suara seseorang menegurnya. Dia tidak sedar akan kehadiran adik bungsu di sisinya. Dia menjadi sedih bercampur gembira. Keluarganya memang tunggak semangatnya. Setia bersama-sama dengannya menghadapi dugaan. Wajah adiknya dipandanginya dengan linangan airmata. Dia terus mendakap adik kesayangannya. Lerai pelukan, dia menoleh semula ke arah buah hatinya yang penuh dengan sambungan wayar pada badan kecilnya.

“Maafkan mama sayang, disebabkan penyakit mama kau menderita macam ani. Maafkan lai...” Bisiknya.” *Your baby is critical and he did not pass urine since last night*” Doktor Salim memberikan penjelasan.

Hajah Liza membatu. Dia kalut seketika. Dada seakan remuk. Pandangannya tertumpu pada perut si kecil. Kolam mata Hajah Liza tewas. Air mata mengalir deras. Tangisan mula kedengaran. “Ya Allah, sembuhkan anakku Ya Allah.” Rintih Hajah Liza.

Hajah Liza segera mengambil telefon bimbit jenama Nokia dari saku bajunya. Dia mencuba menghubungi suaminya. Rasa cemas apabila telefon bimbit Haji Mohammad sedang dimatikan.

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar! Mulutnya tidak henti mengucap zikirullah. Alhamdulillah beberapa minit kemudian suaminya muncul di ambang pintu walaupun dia belum sempat membuat panggilan.

“*Sorry* lai, akhir abang ke mari, akhir abang bangun. Mama inda berani kan membangunkan abang. Macam mana *baby* kitani lai?” Hajah Liza tidak mampu bersuara. Matanya tidak lepas dari menatap wajah buah hatinya. Begitu juga dengan suaminya.

“Bang..” Haji Mohammad menggenggam erat tangan Hajah Liza apabila dia ingin membicarakan sesuatu.

“A.. Abang su.. sudah tahu, sabar saja lai... Allah lebih mengetahui. Kitani berdoa saja” Intonasi suara suaminya berketar-ketar. Dia tidak sanggup menghabiskan ceritanya.

Hajah Liza berasa sedih. Baru semalam dia nampak suaminya amat gembira setelah bergelar seorang ayah tapi hari ini keadaan menjadi sebaliknya.

“Sabarlah.....mungkin ada rahmatnya.....dimalam abang....” Tiba-tiba suaminya terjatuh ke lantai.

Perasaan Hajah Liza meruntun cemas. Adik bungsu Hajah Liza segera meluru ke arah mereka lalu memapah Haji Mohammad duduk di kerusi. Keadaan menjadi semakin cemas.

“Abang bermimpi si alai kitani ketimbulan ais...” cerita suaminya apabila dia mulai sedar. Matanya terus berkaca-kaca dan tangisan jelas kedengaran. Baru pertama kali Hajah Liza melihat dia menangis sepanjang dua tahun usia perkahwinan mereka.

“*Be patient* Haji, Hajah” Doktor Haji Salim cuba memberikan ketenangan.

“*You can call the families to come..... and..and..please give him breast feeding..*” Tambahnya dengan nada yang sangat perlahan. Hati Hajah Liza bertambah hiba. Entah sudah berapa banyak air matanya tertumpah. Perasaan itu terlalu sukar digambarkan. Meski dia tidak dapat mendakapnya dengan erat namun Hajah Liza tetap bersyukur. Tiba-tiba keadaan bertambah kalut apabila melihat mesin oksigen menunjukkan angka yang semakin berkurangan. Dan akhirnya mesin itu mengeluarkan bunyi yang mendebarkannya.

“Lai... sabar.” Suara lembut bidan Hajah Siti menenangkannya.

“Redhakan anakmu, biarkan tia lapas dengan tenang dan jangan tangisi pemergiannya. Allah Subhanahu Wata'ala lebih menyayangi dirinya. InsyaaAllah kedia kan menunggu indungnya di akhirat.” Tambahnya.

Dalam beberapa saat saja mesin pernafasan berhenti dan jelas buah hati Hajah Liza telah pergi menghadap Ya Khalik. Innalillahi wainailaihiraziun!!

“Mama..” Tiba-tiba potret Azwi Mutalib terjatuh dari tangan Hajah Liza. Terlalu jauh ingatannya melayang. Memori itulah yang sering menjadi igauan dirinya.

Ditatapinya wajah Zawawi. Anak keduanya. Menatap dirinya seolah-olah dia menatap wajah arwah anak sulungnya. Matanya yang sepet, bibirnya yang kecil mungil juga dua lesung pipit di pipinya. Semua yang ada dalam dirinya membuatkan Hajah Liza rindu. Sangat kebetulan tarikh kelahirannya bertepatan dengan kelahiran arwah anak sulungnya 10 tahun lalu. Allah maha pengasih lagi penyayang.

“Kenapa sayang..tekajut mama.”

“Mama rindu abang Azwi?.”

Hajah Liza segera memeluk anaknya.

“Selamat ulang tahun lai. Mama sayang alai. Agatah mandi, sekajap lagi majlis kan bermula.” Luah Hajah Liza.

“Ok mama.” Jawabnya. Hajah Liza menatap potret di tangannya semula.

“Lai..hari ini, 15 Ogos genaplah umurmu 10 tahun. Semoga rohmu di cucuri rahmat dan ditempatkan di dalam golongan orang-orang yang beriman dan beramal soleh... Al-Faatihah..”

“Sesungguhnya dalam hati mama ani, sejuta kasih sayang, rindu, cinta yang anda dapat mama ungkapkan untuk mu wahai buah hati...” Bisik Hajah Liza dengan deraian air matanya.

TAMAT

Pelita Brunei Keluaran 19 Disember 2015